AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

قليتا بروني

# PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"DIALAH juga yang menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu, tanam-tanaman, zaitun, kurma, anggur dan segala jenis buah-buahan. Sesungghnya pada yang demikian itu terdapat tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang (mahu) berfikir". - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl, Ayat 11.**

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.25 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.13

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 131 | 31 OKTOBER 2022 / 1444 ربيع الأخير 5 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

***"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.***

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# TERAPKAN NILAI KEBRUNEIAN, KEKALKAN KEHARMONIAN, REALISASIKAN PERPADUAN



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan, yang berlangsung di Dewan Darussalam, sekolah berkenaan. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (*Lihat muka 2*).**

# 409 kes dilaporkan sembuh

**Oleh: Srinarawie Bidzah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 30 Oktober. - Sebanyak 409 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 235,827.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak tiga kes dilaporkan sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi; sementara tidak ada kes dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 30 Oktober 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 86.3 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.8 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

# Sentiasa amalkan akhlak terpuji, sifat merendah diri

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 30 Oktober. - Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) minggu ini mengundang beberapa tetamu khas daripada Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok, Temburong; para pelajar Universiti Teknologi Brunei (UTB); dan Kumpulan Belia Muallaf As-Syahadah.

Malam Munajat minggu ini juga menyaksikan penyertaan para jemaah daripada 101 buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara, dan warga KHEU berserta keluarga daripada kediaman masing-masing.

Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok, Temburong, Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, memulakan acara pada malam berkenaan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Seterusnya bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhammad Zawir Firdaus bin Zamrani iaitu mahasiswa Tahun 2 Sarjana Muda Sains dalam Matematik Gunaan dan Ekonomi, UTB, bersama para pelajar UTB dari Surau Common Engineering Building, UTB.

**>> Muka 8**

# Raih keberkatan dengan Majlis Khatam Al-Quran

**Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 30 Oktober. - Seramai 1,010 peserta yang terdiri daripada Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS Brunei dan warga emas di seluruh negara menyertai Majlis Khatam Al-Quran 76 Kali anjuran Pertubuhan WARGAMAS berlangsung di Masjid Perpindahan Lambak Kanan, pagi tadi.

Majlis berkenaan adalah Pesambah Istimewa daripada Pertubuhan WARGAMAS dan warga emas ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-76, Tahun 2022.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri di Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw selaku wakil peribadi kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

**>> Muka 8**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



PENGUNDIAN, pemilihan calon Penghulu Mukim, Ketua Kampung

Muka 9



SV mulakan Mesyuarat GBM pertama secara fizikal

Muka 18



RENCANA

KONSORTIUM Mualafpreneurs platform program keusahawanan

Muka 21

**STATUS COVID-19**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 30 OKTOBER 2022

| | |
|---|---|
| 78.6% | 3 dos vaksin COVID-19 penduduk umum |
| 61.7% | 3 dos vaksin COVID-19 remaja berumur 12-17 tahun |
| 86.3% | 2 dos vaksin COVID-19 kanak-kanak berumur 5-11 tahun |
| 409 | Jumlah kes sembuh 24 jam lalu |
| 235,827 | Jumlah kes yang sembuh |

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

PELITA BRUNEI

# Terapkan nilai kebruneian, kekalkan keharmonian, realisasikan perpaduan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan kepada semua pihak sekolah dan para pendidik di negara ini supaya jangan sekali-kali lupa untuk menerapkan nilai-nilai kebruneian dalam kalangan para pelajar.

Kerana inilah, titah baginda, satu-satunya cara untuk mengekalkan keharmonian serta merealisasikan perpaduan.

Demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, hari ini, yang berlangsung di Dewan Darussalam sekolah berkenaan, di sini.

"Dalam mengiktiraf sumbangan dari institut pendidikan swasta di peringkat pendidikan wajib, maka kerajaan beta melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, akan terus memberikan sokongan bagi program perkembangan profesional, selaras dengan keperluan pelaksanaan kurikulum Sistem Pendidikan Negara. Ini, adalah bagi memastikan pendidikan yang saksama dan inklusif dapat diberikan kepada semua pihak," titah baginda lagi.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan bahawa kita semua maklum, lanskap pendidikan telah melalui pelbagai perubahan dan cabaran, khasnya sejak beberapa tahun kebelakangan semasa wabak COVID-19 melanda masyarakat global.

Pandemik ini, titah baginda, telah menyebabkan pengurangan tempoh pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka, sehingga ia mengakibatkan Learning Loss di kalangan pelajar-pelajar, terutama di peringkat rendah dan menengah.

"Sayugia, beta berharap pihak institusi pendidikan swasta akan sama-sama mengambil berat isu ini dan bertanggungjawab untuk memastikan Learning Recovery (Pemulihan Pembelajaran) dapat dilaksanakan dengan jayanya," titah baginda.

Terdahulu, dalam titah baginda menyatakan bahawa, tahun 2022 adalah tahun bersejarah bagi Sekolah Menengah Chung Hwa, kerana dengan memasuki tahun ini, bererti Sekolah Menengah Chung Hwa telah genap 100 tahun penubuhannya.

100 tahun, titah baginda, bukanlah jangka masa yang pendek, tetapi cukup lama untuk membolehkannya berkembang dan mencipta kecemerlangan.

Oleh itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, adalah wajar bagi kita untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga Sekolah Menengah Chung Hwa di atas pencapaiannya itu.

Pencapaian ini adalah bukti bahawa kepentingan pendidikan sudah sekian lama menjadi agenda penting negara, dengan usaha bersepadu turut sama-sama diharungi oleh masyarakat Tionghua.

"Beta difahamkan, pendidikan di sekolah ini tidaklah terhad kepada pelajar-pelajar berbangsa Tionghua sahaja, malah ia juga turut menjadi pilihan di kalangan pelbagai kaum dan bangsa di negara ini.

"Salah satu faktor utama yang menjadi tarikan ialah pencapaian sekolah ini dalam menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang.

"Pada hemat beta, pencapaian seperti inilah yang mampu untuk melahirkan generasi yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi di masa-masa mendatang,"

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 31 | ISNIN | 5 | 4.36 | 4.46 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.02 | 7.13 |
| NOVEMBER 1 | SELASA | 6 | 4.36 | 4.46 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.02 | 7.13 |
| 2 | RABU | 7 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.02 | 7.13 |
| 3 | KHAMIS | 8 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.25 | 6.02 | 7.13 |
| 4 | JUMAAT | 9 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.25 | 6.02 | 7.13 |
| 5 | SABTU | 10 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 6 | AHAD | 11 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 24 °C | 30 24 °C | 33 24 °C |
| Pekan Bangar | 30 24 °C | 30 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Tutong | 31 24 °C | 30 24 °C | 32 24 °C |
| Kuala Belait | 31 24 °C | 31 24 °C | 33 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 31 OKTOBER 2022

### Tanamkan jiwa pelajar dengan nilai-nilai kebruneian

BETA juga ingin mengingatkan kepada semua pihak sekolah dan para pendidik di negara ini supaya jangan sekali-kali lupa untuk menerapkan nilai-nilai kebruneian di kalangan para pelajar-pelajar. Kerana inilah satu-satunya cara untuk mengekalkan keharmonian serta merealisasikan perpaduan'. Demikian titah Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa majlis Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Ke-100 Sekolah Menengah Chung Hwa (SMCH) di Bandar Seri Begawan.

SMCH telah membuktikan kecemerlangan yang telah dicapai dengan beberapa kejayaan para pelajar mereka dalam bidang akademik dan bahkan juga dalam pertandingan. Para pelajar di sekolah ini bukan sahaja terdiri dari masyarakat Tiong Hua bahkan juga daripada masyarakat lain. Integriti para pelajar di sekolah ini jelas menunjukkan perpaduan serta keharmonian dalam sama-sama menimba ilmu pengetahuan.

Bagi mengukuhkan lagi kefahaman dan pengetahuan nilai-nilai kebruneian ini, penerbitan artikel-artikel dan buku-buku teks mengenai Melayu Islam Beraja juga dibuat dalam bahasa Melayu, Inggeris dan juga Tionghua. Secara tidak langsung ini memudahkan para pelajar untuk memahami dengan lebih mendalam lagi mengenai falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Nilai-nilai kebruneian itu adalah nilai-nilai MIB yang sudah lama diamalkan dan diwarisi sejak dahulu lagi. Oleh sebab inilah para pelajar perlu mempraktikkan nilai-nilai kebruneian ini dalam kehidupan tanpa mengira berada di sekolah, rumah ataupun di mana sahaja seperti sikap *berawar galat*, *inda camah mata*, lutanan, taat setia kepada raja. Dengan sikap seperti ini setentunya para pelajar akan dapat menilai sendiri bahawa meskipun belajar di peringkat tinggi tetapi nilai-nilai kebruneian perlu ditanai.

Tidak dinafikan jika keharmonian dikecapi maka nikmat bernegara, berbangsa akan tetap teguh dan kukuh dalam kalangan para pelajar untuk terus menghargai perpaduan serta semangat patriotisme. Para pelajar akan membesar dengan menghargai warisan, kepelbagaian dan sejarah mereka dan berusaha untuk membangun negara dalam semua aspek. Justeru sistem pendidikan harus disesuaikan untuk memupuk rasa bangga dan kepunyaan bangsa meskipun mereka terdiri daripada pelbagai puak. Inilah unsur penting yang perlu dipupuk dan dipelihara dalam kalangan pelajar di negara ini.

Para pelajar perlu memahami kepentingan perpaduan, perpaduan sosial dan keamanan kerana mereka adalah tonggak utama kejayaan dan pembangunan negara. Disebabkan pelajar adalah bakal pemimpin masa hadapan maka penting untuk mereka menjalinkan hubungan rapat walaupun terdapat perbezaan dalam bangsa, budaya dan negara.

Kejayaan dalam meningkatkan taraf hidup dengan ilmu pengetahuan perlu dilestarikan agar generasi akan datang menyedari bahawa ilmu pengetahuan itu penting untuk berdaya tahan dalam kehidupan. Persekolahan memainkan peranan penting dalam membentuk pelajar yang bijak, baik dalam akademik bahkan juga dalam pergaulan. Semoga para pelajar yang bercalakkan acuan MIB akan sentiasa mempertahankan nilai-nilai kebruneian ini. **- Ketua Penyuntingan (Ri)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنرغن، جابتن فردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KEBERANGKATAN MERIAHKAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-100 PENUBUHAN SMCH BSB





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa (SMCH) Bandar Seri Begawan (BSB), yang berlangsung di Dewan Darussalam, sekolah berkenaan (atas dan kiri).**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Md Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Oktober. - Sejak ditubuhkan seratus tahun lalu, Sekolah Menengah Chung Hwa (SMCH) membangun setapak demi setapak, bermula dari sebuah sekolah pondok yang hanya mempunyai beberapa pelajar hingga menjadi sebuah sekolah yang menyediakan pendidikan tadika, rendah dan menengah dan mempunyai lebih dua ribu pelajar, pada masa ini.

Selain daripada berperanan sebagai sebuah sekolah Tionghua yang memelihara dan mewarisi bahasa ibunda, sekolah ini juga membantu negara dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berguna, yang merupakan tonggak masa depan negara.

Kini memasuki usianya 1 abad atau 10 dekad, SMCH mengharungi pelbagai cabaran dalam usahanya untuk menyediakan pendidikan yang holistik dan berkualiti, di negara ini.

Justeru SMCH pagi tadi meraikan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan SMCH Bandar Seri Begawan (BSB), yang berlangsung di Dewan Darussalam, sekolah berkenaan, di sini.

Berkenan berangkat bagi menyerikan lagi majlis sambutan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah serta kerabat diraja yang lain.

**>> Muka 4**



**BERANGKAT sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.**



**JUGA berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah serta kerabat diraja yang lain.**







**BACAAN Ikrar Taat Setia oleh gabungan Ahli Lembaga Pengarah Sekolah dan warga sekolah berserta Alumni SMCH BSB, diikuti dengan sembah Alu-aluan disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah SMCH BSB, Awang Ong Tiong Oh (kiri dan kanan), sementara gambar tengah, antara Persembahan Pentas yang dipersembahkan oleh para pelajar rendah dan menengah sekolah tersebut.**

PELITA BRUNEI




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan dijunjung bagi sesi Bergambar Kenangan bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah SMCH BSB di hadapan bangunan sekolah pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan SMCH BSB.**

**>> Muka 3**

Keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh bersama Pengerusi Lembaga Pengarah SMCH merangkap Pengerusi Majlis, Awang Ong Tiong Oh dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Ke-100 SMCH BSB, yang diiringi dengan pukulan hadrah dan pengibaran bendera kecil oleh murid-murid pendidikan tadika dan rendah sekolah berkenaan.

Sejurus tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja dijunjung untuk Bergambar Kenangan bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah SMCH BSB di hadapan bangunan sekolah tersebut sebelum berangkat menuju ke Dewan Darussalam sekolah berkenaan bagi memulakan acara.

Atur cara dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', seterusnya bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, dipimpin oleh Awang Haji Hairol Haimi bin Haji Usop dan kemudian bacaan Ikrar Taat Setia oleh gabungan Ahli Lembaga Pengarah Sekolah dan warga sekolah berserta Alumni SMCH BSB.

Setelah itu, Sembah Alu-aluan disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah SMCH BSB, Awang Ong Tiong Oh, antara lain menggariskan kejayaan yang dicapai selama ini bukan sahaja merupakan hasil usaha para pengasas, penaja dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah sekolah yang telah banyak menyumbang, dari segi masa, tenaga dan wang ringgit, malah ia juga adalah hasil daripada dasar terbuka yang diamalkan oleh kerajaan baginda selama ini melalui Dasar Pendidikan Negara.

"Dalam zaman yang sedang berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0, penerokaan, penyelidikan dan penguasaan ilmu pengetahuan dalam Bidang Sains dan Teknologi semakin penting.

"Maka adalah menjadi tugas dan tanggungjawab utama pihak sekolah untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti seiring dengan kehendak semasa agar misi untuk mencapai kejayaan dalam zaman Revolusi Industri 4.0 akan dapat dicapai," sembah beliau lagi.

Tambahnya, dasar sekolah ini yang mengutamakan pembelajaran tiga bahasa, di samping penekanan terhadap lima aspek pendidikan, yang merangkumi pendidikan akademik, moral, jasmani, seni dan sosial akan terus diperkukuh untuk memastikan kecemerlangan yang dicapai selama ini akan berterusan untuk tempoh seratus tahun yang akan datang.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM juga berkenan mengurniakan titah.

Atur cara kemudian diteruskan dengan Tayangan Klip Video mengenai perjalanan sejarah serta pencapaian SMCH BSB dari tahun 1922 sehingga 2022, di mana sekolah tersebut bertekad untuk terus berfungsi sebagai sebuah institusi pendidikan swasta, yang memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Baginda seterusnya berkenan menyempurnakan Penyampaian Anugerah Khidmat Lama Ahli-ahli Lembaga Pengarah SMCH BSB kepada seramai 15 penerima.

Majlis juga turut diserikan dengan beberapa Persembahan Pentas berdurasi selama 30 minit, yang dipersembahkan oleh para pelajar sekolah berkenaan, terdiri daripada pelajar tadika hingga menengah serta alumni sekolah, yang menggabungkan irama klasik dan moden, di samping penggunaan teknologi canggih yang melibatkan sepenuhnya anak-anak tempatan, demi menunjukkan semangat 'Brunei Yakin'.

Acara kemuncak ini, ternyata berbeza sama sekali dengan persembahan semasa Sambutan Ulang Tahun Ke-80 dan Ke-90 lalu, di mana persembahan pada kali ini menggabungkan drama, nyanyian serta tarian, di samping penggunaan teknologi digital untuk menggambarkan sejarah pembangunan sekolah ini selama 100 tahun.

Sejurus itu, Kebawah DYMM berserta kerabat Diraja dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Akademik, diikuti dengan lawatan ke Bilik Sumber Pengajaran dan Pembelajaran SMCH BSB serta Pusat Sejarah Ulang Tahun Ke-100 sumbangan Alumni SMCH BSB yang berasaskan pengajaran dan pembelajaran secara interaktif.

**>> Muka 5**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan Penyampaian Anugerah Khidmat Lama Ahli-ahli Lembaga Pengarah SMCH BSB kepada para penerima (kiri dan kanan), sementara gambar bawah, baginda berkenan beramah mesra bersama para pelajar yang menjayakan Persembahan Pentas pada Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan SMCH BSB.**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para pelajar yang menjayakan Persembahan Pentas pada Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan SMCH BSB.**

**>> Muka 4**

Baginda kemudian dijunjung ke Dewan Boon Pang bagi Majlis Santap dan Kebawah DYMM berkenan menandatangani Plak Kenangan serta menerima Pesambah, yang disembahkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Ke-100 SMCH BSB.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda serta kerabat diraja berkenan beramah mesra bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Ke-100 SMCH BSB, para jemputan yang hadir dan para tenaga pengajar serta pelajar sekolah berkenaan.

Keberangkatan baginda bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda pastinya melakarkan kenangan yang manis dan menjadi ristaan sejarah yang amat bermakna buat semua warga, tenaga pengajar serta pelajar SMCH sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-100 sekolah berkenaan. Ia bukan hanya akan memberikan kenangan dan ristaan manis serta bermakna, bahkan menjadi suntikan semangat kepada para pelajar sekolah berkenaan untuk terus menimba ilmu dalam sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Justeru dalam usianya 100 tahun ini, sekolah berkenaan sehingga kini terus menerus mengorak pelbagai haluan dan melakar sejarah pencapaian serta kejayaannya dari tahun ke tahun dengan memperkenalkan pelbagai bidang sistem pendidikan baharu, di negara ini.

Proses pengajaran dan pembelajaran sangat dititikberatkan di sekolah tersebut hingga sekarang, serta pencapaian kejayaan sekolah menerusi beberapa MoU dan projek dalam Bidang Pendidikan, termasuklah turut menerima banyak pengiktirafan anugerah dari dalam dan luar negara, seperti Anugerah Sekolah Contoh daripada Pejabat Hubungan Republik Rakyat China; serta Anugerah Cemerlang dalam Pertandingan Infokomunikasi APICTA, di Kuala Lumpur, Malaysia; dan Pattaya, Thailand.

SMCH BSB merupakan sekolah pertama di negara ini yang menerima anugerah pengiktirafan daripada Microsoft sebagai 'Sekolah Contoh Microsoft' sejak tahun 2014 hingga kini, selain itu, SMCH BSB juga aktif menyertai dan memenangi pelbagai pertandingan atau kejohanan kokurikulum.





**KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama para pelajar yang menjayakan Persembahan Pentas pada majlis tersebut (bawah dan atas), sementara gambar kanan, baginda berkenan melihat lebih dekat pelajar tadika yang menjunjung keberangkatan baginda dengan pukulan hadrah. Manakala gambar bawah kanan, baginda dan paduka anakanda baginda berkenan dijunjung bergambar ramai bersama para pelajar pada Pameran Akademik dari Jabatan-jabatan Matematik dan Sains serta MIB / Jawi dan IRK.**





# PERSEMBAHAN TUMPUKAN SEJARAH PENUBUHAN SEKOLAH MENENGAH CHUNG HWA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Persembahan Pentas sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Oktober. - Persembahan Pentas selama 30 minit dipersembahkan oleh lebih 800 pelajar Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan yang terdiri daripada pelajar tadika hingga menengah serta alumni sekolah berkenaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Persembahan Pentas tersebut yang bersempena dengan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, hari ini, berlangsung di Dewan Darussalam sekolah berkenaan, di sini.

Berangkat sama menyaksikan persembahan, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Persembahan tersebut telah memaparkan perjalanan hidup tiga watak utama dalam sebuah keluarga di Kampong Ayer yang mewakili tiga generasi berbeza dari tahun 1922 hingga 2022.

Corak persembahan tersebut jelas menggambarkan akan tema yang memfokuskan kepada sejarah penubuhan sekolah berkenaan dari mula ia ditubuhkan sehingga kini, malah seiring dengan sejarah penubuhan Negara Brunei Darussalam serta arah tuju sekolah tersebut yang menuju kepada Wawasan Brunei 2035.

Atas kesedaran masyarakat Tionghua pada ketika itu yang merasakan perlu ditubuhkan sebuah Sekolah Tionghua untuk membolehkan anak-anak muda mempelajari bahasa ibunda.

Sehubungan itu, dari situlah tertubuhnya Sekolah Tionghua yang pertama dan seterusnya menjadi sebuah sekolah yang membolehkan para pelajar mempelajari tiga bahasa, di samping mengikuti sepenuhnya Sistem Pendidikan Negara.

Persembahan ini juga menggabungkan irama klasik dan moden, selain itu penggunaan teknologi canggih yang melibatkan sepenuhnya oleh anak-anak tempatan demi menunjukkan semangat 'Brunei Yakin'.







ANTARA Persembahan Pentas yang menggabungkan irama klasik dan moden, di samping penggunaan teknologi canggih yang melibatkan sepenuhnya anak-anak tempatan, demi menunjukkan semangat 'Brunei Yakin' (atas, kiri atas, kiri, bawah kiri, bawah tengah dan bawah kanan).







# BERKENAN BERANGKAT MENYAKSIKAN PAMERAN AKADEMIK





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani Plak Kenangan dan menerima pesambah yang disembahkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa (SMCH) Bandar Seri Begawan (BSB), di Dewan Boon Pang (kiri dan atas).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Pameran Akademik diikuti dengan Lawatan ke Bilik Sumber Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan, hari ini.

Berangkat sama menyaksikan pameran, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Pameran tersebut adalah bersempena dengan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, di sini.

Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan merupakan sekolah swasta yang menyediakan persekitaran pembelajaran tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Medium pembelajaran itu turut diketengahkan dalam Pameran Akademik sekolah berkenaan.

Pameran Akademik mula-mula mengetengahkan pembelajaran tiga bahasa oleh Jabatan Tiga Bahasa dan Tadika, selain itu, turut diketengahkan ialah pembelajaran digital oleh murid-murid Tadika.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian berkenan menyaksikan Pameran The Future of Education yang menonjolkan projek-projek Jabatan Sains, Matematik dan Jabatan Melayu Islam Beraja dan Jawi.

Seterusnya baginda juga berkenaan menyaksikan pembelajaran menggunakan kaedah interaktif yang menarik dipersembahkan di Bilik Sumber Pengajaran dan Pembelajaran sekolah tersebut.

Bermula dengan sekolah pondok, sekolah ini menjadi sebuah sekolah yang menyediakan pendidikan tadika, rendah dan juga menengah.

Sekolah Menengah Chung Hwa bertekad untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti seiring dengan kehendak semasa dan selaras dengan visinya, untuk menjadi sekolah pilihan utama di Negara Brunei Darussalam.






**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengar sembah penerangan semasa menyaksikan Pameran Akademik, diikuti Lawatan ke Bilik Sumber Pengajaran dan Pembelajaran (atas, atas kanan dan kanan), sementara gambar bawah, baginda berkenan melambai para pelajar di sepanjang laluan menuju ke Pusat Sejarah Ulang Tahun Ke-100.**





Pelita Brunei

# SENTIASA AMALKAN AKHLAK TERPUJI, SIFAT MERENDAH DIRI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Diikuti dengan bacaan Doa Munajat oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, dari Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok, Temburong.

Seterusnya tazkirah bertajuk 'Jika Terbang Tinggi Di Langit, Jangan Lupa Memandang Ke Bumi', disampaikan oleh Pegawai Penyelidik, Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Mohammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa.

Dalam tazkirah berkenaan, beliau mengingatkan bahawa kita sebagai umat manusia hendaklah sentiasa mengamalkan akhlak terpuji dan sifat merendah diri walaupun di mana kita berada.

Menurutnya lagi, janganlah kita lupa daratan, sombong dan riak dengan pangkat, darjat mahupun harta kita.

Beliau juga turut menjelaskan, sifat sombong merupakan penyakit hati yang boleh membawa kerosakan kepada diri sendiri, kerana jika kesombongan sudah menguasai jiwa, maka tidak mustahil kita akan menjadi orang yang lupa diri hingga tidak lagi ada perasaan takut untuk melakukan dosa.

Sifat sombong terangnya lagi bukan sahaja dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala, bahkan juga tidak disukai dan dihormati oleh sesama manusia, dan akan menjadi penghalang untuk kita masuk ke dalam syurga.

Acara Malam Munajat diteruskan lagi dengan bacaan Selawat Ibrahimiyyah dipimpin oleh Ketua Public Relation, Belia Muallaf As-Syahadah, Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhd. Saiful Dafi bin Muhd. Suhaimi @ Suanddy bin Suhaimi, bersama Kumpulan Belia Muallaf As-Syahadah dari Mushalla Al-Ameen, PDI.

Bagi memberkati acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Imam Tingkat III, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Shokrathi @ Muhammad Hanafi bin Haji Bahrun, dari Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok, Temburong.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan seharian dengan membaca



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyertai Malam Munajat bersama para tetamu khas daripada Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok, Temburong; pelajar Universiti Teknologi Brunei (UTB); Kumpulan Belia Muallaf As-Syahadah serta para jemaah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, berdoa agar rakyat dan NBD sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah yang diingini dan berjaya membendung penularan penyakit merbahaya seperti COVID-19.

Orang ramai dipelawa untuk menyertai Malam Munajat dari mana juga mereka berada pada setiap Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan *http://tiny.cc/munajatkheu* atau melalui Instagram PDI *@pdi_kheu*.

# Raih keberkatan dengan Majlis Khatam Al-Quran



YANG Mulia Timbalan Menteri, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdanan Menteri memimpin bacaan Surah Al-Fatihah pada Majlis Khatam Al-Quran 76 Kali (atas), sementara gambar kanan, antara yang hadir dan peserta pada majlis tersebut.



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Julazni bin Haji Zaini, diikuti dengan laungan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai yang diketuai oleh Kumpulan Biro Warganita, Pertubuhan WARGAMAS.

Majlis diteruskan lagi dengan Majlis Khatam Al-Quran 76 Kali yang dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis dan disusuli dengan bacaan doa sebelum membaca Al-Quran.

Bacaan surah-surah lazim yang bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas dikepalai oleh Awang Haji Mohd. Hussin bin Haji Mohd. Salleh, diikuti dengan bacaan Takhtim.

Manakala Doa Khatam dibacakan oleh Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban oleh Kumpulan Dikir Lelaki Pertubuhan WARGAMAS.

Sempena Majlis Khatam Al-Quran 76 Kali, Pertubuhan WARGAMAS buat julung kalinya menyampaikan Anugerah Khas - 'Ahli WARGAMAS CENTENARIAN' yang dianugerahkan kepada Awang Haji Anggas bin Lamudin.

Beliau berusia 103 tahun, mempunyai seorang isteri dan dikurniakan seramai 16 orang anak serta pernah bertugas sebagai Buruh Jalan Raya di Jabatan Kerja Raya dan juga merupakan seorang guru silat pada tahun 50-an hingga 80-an.

Amalan yang tidak pernah ditinggalkan hingga ke hari ini ialah membaca Al-Quran kerana beliau sangat aktif bertadarus dari rumah ke rumah sejak tahun 1930-an hingga sebelum penularannya wabak COVID-19.

Anugerah khas berkenaan disampaikan oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis juga turut menyampaikan Poster Khas serta sijil penghargaan kepada wakil Jawatankuasa Tadbir Tertinggi, Jawatankuasa Induk, Ketua Pentasmi' lelaki dan perempuan serta Sijil Penghargaan kepada Pusat Da'wah Islamiah dan Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Begawan Mudim Awang Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim.

Majlis Khatam Al-Quran anjuran Pertubuhan WARGAMAS merupakan satu inisiatif yang sangat signifikan kepada seluruh warga emas bagi meningkatkan lagi pembacaan Al-Quran sebagai amalan harian yang sangat sesuai pada usia umur warga emas untuk meraih *mardhatillah* atau keredaan Allah.

# COVID-19 : Tidak ada kes dalam Kategori 5

Oleh : Khartini Hamir

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 29 Oktober. - Sebanyak empat kes dicatatkan berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Manakala tidak ada kes dicatatkan hari ini berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, sebanyak 541 kes disahkan sembuh yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 235,418.

Bagi Program Vaksinasi pula setakat hari ini, sebanyak 86.2 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 78.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.8 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

# KESIHATAN ISLAM BERDASARKAN AL-QURAN, AS-SUNNAH



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyempurnakan Majlis Perasmian Pameran Edukatif Kesihatan Islam 2022 (kanan), sementara gambar kiri, Yang Berhormat melawat ke petak pameran bagi penerangan lebih lanjut mengenai pengisian pameran tersebut.**



**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menganjurkan Pameran Edukatif Kesihatan Islam 2022, bermula kelmarin, 28 Oktober 2022 hingga Ahad, 30 Oktober 2022, di ruang legar, Kompleks Membeli-belah Times Square, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis perasmian pameran, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Pada majlis itu, dalam ucapan alu-aluan, yang disampaikan oleh Pengarah Antarabangsa dan Perhubungan Awam KUPU SB, Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Sulaiman selaku Timbalan Pengerusi mewakili Pengerusi Majlis menjelaskan, antara objektif penganjuran pameran berkenaan adalah bagi memberi pendedahan dan kefahaman kepada orang ramai mengenai kesihatan dari sudut pandang Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah serta yang berkaitan dengannya serta memelihara kesihatan sebagai satu nikmat anugerah Illahi.

Pameran tersebut menurutnya diharap dapat mengetengahkan mengenai dengan kepentingan menjalani kehidupan dan pemakanan yang sihat, khususnya berdasarkan Sunnah.

Melalui pameran berkenaan juga katanya, ia diharap dapat mengumpulkan bahan-bahan maklumat berkaitan dengan pendekatan Islam dalam menangani wabak penyakit untuk rujukan orang ramai.

"Pameran juga adalah sebagai wadah usaha KUPU SB dalam menyebarkan ilmu pengetahuan serta maklumat ke arah pemahaman sudut pandang Islam mengenai kesihatan serta pendekatan dalam menghadapi wabak melalui sarana yang bersifat edukatif," tambahnya.

Turut diadakan pada majlis perasmian tersebut ialah Ceramah Pendidikan Kesihatan Islam, disampaikan oleh Dr. Mikdar Rusdi dan demonstrasi tulisan jawi dan khat oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Tetamu kehormat juga berpeluang melawat ke petak-petak pameran bagi penerangan lebih lanjut mengenai pengisian pameran, disediakan oleh fakulti dan pusat KUPU SB.

Sebanyak 16 petak pameran berkaitan dengan kesihatan Islam disediakan untuk kunjungan orang ramai.

Antara pengisian dalam pameran berkenaan, termasuk demonstrasi solat dan terapi kesihatan, wuduk dan tayamum serta solat orang sakit; hukum Islam dan kaitannya dengan Maqasid Syariah dalam menangani wabak penyakit; Pendidikan kesihatan mental, pencegahan 'anxiety' dan depresi dalam Islam; hubungan masyarakat dan kebersihan, kesihatan serta keselamatan; Pendidikan sukan dan kokurikulum KUPU SB; Tibbun Nabawi, termasuk berbekam, kelebihan mengamalkan makanan sunnah; Diet Sunnah dan Usrah Sihhah 'Afiah; kajian kitab-kitab Turath berkaitan kepentingan kesihatan dan Vaksin Ketuhanan; aktiviti interaktif senaman ringan; Fatwa dan Irsyad berkaitan kesihatan, perubatan; dan wabak COVID-19 serta lain-lain.

Pameran turut disertai oleh Kementerian Kesihatan, Jabatan Mufti Kerajaan, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dan Fakulti Pertanian UNISSA, Pusat Da'wah Islamiah, Fakulti, Bahagian Kawalan Makanan Halal Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Turut diadakan ialah Kempen Derma Darah dikendalikan oleh Jerudong Park Medical Centre (JPMC).

Selain daripada pameran, acara juga dimeriahkan dengan aktiviti-aktiviti pentas sepanjang tiga hari penganjuran, termasuk ceramah mengenai solat dan terapi kesihatan, ceramah berkaitan obesiti dan penyakit-penyakit tidak berjangkit serta penjelasan mengenai vaksin, taklimat kawalan makanan halal, perkongsian mengenai kepentingan sukan dan penjagaan kesihatan dari konteks sukan, ceramah berkaitan kepentingan Pendidikan kesihatan mental menurut perspektif Islam, kepentingan kesihatan serta kesucian rohani, persembahan tausyeh, nasyid dan hadrah.

Pameran Edukatif Kesihatan Islam 2022 yang berkonsepkan edukatif tersebut adalah julung-julung kalinya, diadakan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, bertujuan memberikan informasi kepada orang ramai mengenai kesihatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah serta kepentingan menjalani kehidupan dan pemakanan yang sihat berdasarkan bidang kesihatan dan juga Sunnah.

Selain itu, pameran tersebut juga mengetengahkan pendekatan Islam dalam menangani penyakit dan wabak untuk menjadi rujukan orang awam serta memberi kefahaman mengenai Maqasid Syariah dan metodologi hukum Islam dalam menangani Wabak Penyakit.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

# Pengundian, pemilihan calon Penghulu Mukim, Ketua Kampung

**TUTONG,** Ahad, 30 Oktober. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Tanjong Maya serta Ketua Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau telah diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Kemasyarakatan Tanjong Maya dengan menggunakan kaedah kertas undi (*ballot papers*).

Manakala, pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada Jumaat, 28 Oktober 2022.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Tanjong Maya, Awang Mohd. Latif bin Zaini.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan ucapan daripada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohd Amirul Hadi bin Haji Md. Tajudin, selaku Pengerusi Majlis.

Calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim Tanjong Maya ialah Awang Mohd. Azaman Shah bin Haji Sahari, berusia 47 tahun dan pada masa ini bertugas sebagai Pegawai Pendidikan di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Kampus Sultan Saiful Rijal.

Manakala, calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau ialah Awang Nur Azmil bin Haji Ismail, berusia 32 tahun.





**SEKITAR suasana Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Tanjong Maya serta Ketua Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau, di Dewan Kemasyarakatan Tanjong Maya dengan menggunakan kaedah kertas undi (*ballot papers*) (kiri dan kanan).**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong**

Seramai 328 penduduk Mukim Tanjong Maya yang berdaftar dan layak mengundi telah mengundi calon untuk mengisikan kekosongan jawatan Penghulu Mukim Tanjong Maya.

Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Tanjong Maya menyaksikan sebanyak 312 undi telah bersetuju manakala 12 undi tidak bersetuju serta empat lagi dikategorikan sebagai undi rosak.

Manakala, seramai 237 orang penduduk Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau yang berdaftar dan layak mengundi telah mengundi calon untuk mengisikan kekosongan jawatan Ketua Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau.

Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau telah menyaksikan sebanyak 177 undi telah bersetuju manakala 51 undi tidak bersetuju dan sembilan lagi undi dikategorikan sebagai undi rosak.

Turut hadir, Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung di bawah Mukim Tanjong Maya berserta penduduk kampung.

Keputusan Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Tanjong Maya serta Ketua Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.

PELITA BRUNEI

# HADIRI 27TH ALMM, 12TH ALMM+3

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**




**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menghadiri 27th ASEAN Labour Ministers Meeting (27th ALMM); dan 12th ASEAN Plus Three Labour Ministers Meeting (12th ALMM+3), yang berlangsung pada 28 dan 29 Oktober 2022, di Bonifacio Global City, Metro Manila, Filipina (atas dan bawah kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 30 Oktober. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menghadiri 27th ASEAN Labour Ministers Meeting (27th ALMM); dan 12th ASEAN Plus Three Labour Ministers Meeting (12th ALMM+3), yang berlangsung pada 28 dan 29 Oktober 2022, di Bonifacio Global City, Metro Manila, Filipina.

Mesyuarat 27th ALMM; dan 12th ALMM+3, dipengerusikan oleh Setiausaha Buruh dan Pekerjaan, Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Bienvenido E. Laguesma.

Tema mesyuarat kali ini adalah 'Together as One : Reshaping the World of Work in the ASEAN Community through Digitalized, Inclusive and Sustainable Recovery and Growth', di mana tema adalah memfokuskan pada tiga keutamaan, iaitu menggalakkan penggunaan ICT dan Digitalisasi; Memodenkan pertanian untuk keselamatan makanan dan pertumbuhan pekerjaan; serta Pembangunan sumber manusia yang cekap dan inklusif.

Tema ini juga mengenal pasti, bahawa gangguan dan kesan perubahan iklim, revolusi perindustrian keempat dan kelima, pandemik COVID-19, serta kekurangan bekalan makanan dan tenaga menjejaskan pemulihan serta pembangunan ekonomi.

Semasa Mesyuarat 27th ALMM, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menekankan mengenai kepentingan usaha secara kolektif dalam menangani cabaran penguatkuasaan buruh, mengatasi amalan yang salah dalam pengambilan pekerja, dan pemerdagangan orang, khususnya dalam usaha kembali dari pasca pandemik.

Initiatif ASEAN Labour Inspection Commitee (ALICOM) mencerminkan kepentingan kerjasama pelbagai hala dalam kalangan pemeriksa buruh dan perkongsian strategik, di mana Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat ALICOM yang pertama, pada 15 Disember 2021.

Pada Mesyuarat 27th ALMM; dan 12th ALMM+3, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga menjelaskan dan berkongsi pandangan berkaitan dengan tema mesyuarat pada kali ini, di mana antara lainnya menyatakan, bahawa tidak diragukan lagi pandemik COVID-19 memberikan kesan yang sangat ketara kepada masyarakat global ditambah lagi kesan pada ekonomi, namun begitu tumpuan haruslah diberikan untuk membangunkan semula dengan norma baharu, di mana ia dapatlah dilihat sebagai peluang, khususnya bagi ASEAN untuk mempertimbangkan hala tuju ke arah pendigitalan, pertumbuhan inklusif dan mampan dalam dunia pekerjaan serantau.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengongsikan usaha-usaha Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama pelbagai agensi untuk menyediakan inisiatif serta perkhidmatan latihan, termasuk dalam sektor pelancongan dan makanan serta minuman, di samping menekankan pekerjaan dan pembinaan kapasiti tempatan, termasuk dalam Bidang Teknologi Maklumat dengan tumpuan terhadap kemahiran Revolusi Industri Ke-4.

Pemulihan dan pembangunan ekonomi akan melibatkan bukan sahaja tenaga kerja tempatan, malahan juga tenaga kerja asing, dengan memberikan akses yang sama kepada wanita, belia, dan golongan kurang bernasib baik, di mana memerlukan kesediaan digital dalam menyesuaikan diri serta menerima realiti norma baharu disebabkan persekitaran yang berubah-ubah.

Untuk membina komuniti serantau yang lebih bersedia, inklusif dan mampan, faktor penting yang perlu diambil kira ialah ketersediaan tenaga kerja, pembangunan sumber manusia yang cekap serta inklusif dan ketersediaan sumber asli.

Melalui kerjasama dalam perkongsian strategik dan kejayaan badan sektoral, ia akan menyumbang dalam menangani cabaran serta memberikan impak yang besar pada pembangunan serantau bagi jangka masa panjang yang mampan dan inklusif melalui paradigma baharu tenaga kerja manusia serta bantuan digital.

Mesyuarat 27th ALMM mengesahkan ASEAN Declaration on Portability of Social Security Benefits for Migrant Workers in ASEAN untuk diadaptasi, pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-40; dan ASEAN Summits Ke-41.

Melalui deklarasi ini ia akan dapat memperlihatkan komitmen Negara-negara Anggota ASEAN terhadap peralihan faedah keselamatan sosial yang lancar dan adil yang layak diterima oleh pekerja asing dari negara tempat bekerja ke negara asal mereka.

Selain itu, mesyuarat juga mengadaptasi ASEAN Guidelines on HIV Counselling and Testing in the Workplace, di mana ia bertujuan untuk menggalakkan penglibatan komuniti perniagaan dalam membangunkan dan melaksanakan dasar serta program untuk memastikan perlindungan hak pekerja, seterusnya mewujudkan tempat kerja yang produktif, selamat dan inklusif.

27th ALMM juga mengesahkan secara rasmi Penubuhan ALICOM pada Tahun 2021 dan mengadaptasi Rancangan Kerja ALICOM 2022-2030.

ALICOM bertujuan untuk mengukuhkan keberkesanan pemeriksaan buruh melalui inisiatif pelbagai hala dan kerjasama di antara pemeriksa buruh Negara-negara Anggota ASEAN.

Dalam pada itu, Mesyuarat 27th ALMM, juga antara lainnya mengongsikan pencapaian yang dicapai dalam tempoh dua tahun lalu, dalam melaksanakan beberapa pelan kerja panduan yang berkaitan, termasuk ASEAN Labour Ministers' (ALM') Work Programme 2021-2025, Action Plan 2018-2025 of the ASEAN Consensus on Protection and Promotion of the Rights of Migrant Workers, Senior Labour Officials Meetings (SLOM's) Working Group on Progressive Labour Practices to Enhance the Competitiveness of ASEAN (SLOM-WG) Work Plan 2021-2025, dan ASEAN Occupational Safety and Health Network (ASEAN-OSHNET) Work Plan 2021-2025.

Manakala semasa 12th ALMM+3, Menteri-menteri Buruh ASEAN bersama rakan dialog dari Negara China, Jepun dan Republik Korea menekankan kepentingan kolektif ASEAN+3 dalam kerjasama buruh ke arah matlamat jangka panjang membina komuniti Asia-Timur yang berdaya tahan.

Menteri-menteri Buruh ASEAN mengambil kira kemajuan yang dicapai dalam SLOM+3 Work Plan 2021-2025 dan mengesahkan komitmen untuk terus menggalakkan pembangunan sumber manusia, pertumbuhan inklusif, pembangunan mampan sebagai tindak balas pada integrasi ekonomi ASEAN, dialog sosial, serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja sebagai menyokong Wawasan Komuniti ASEAN 2025 serta pembangunan Wawasan Komuniti Pasca 2025.

Sebelum mesyuarat 27th ALMM; dan 12th ALMM+3, Pegawai-pegawai Kanan Negara-negara Anggota ASEAN menghadiri Mesyuarat 18th SLOM; dan 20th SLOM+3, pada 25 dan 26 Oktober 2022.

Semasa mesyuarat ini, wakil SLOM membincangkan kemajuan kerja serta pencapaian tahun lepas bagi badan-badan utama buruh teknikal ASEAN seperti berikut :

Badan teknikal SLOM-WG, melalui pelan kerjanya, menyokong pengadaptasian fleksibiliti buruh progresif dalam pasaran buruh serantau untuk pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan.

SLOM-WG memfokuskan usahanya dalam bidang tema yang termasuk sistem maklumat pasaran buruh, pembangunan kemahiran, pengiktirafan kemahiran, promosi pekerjaan yang inklusif, pemeriksaan buruh, perlindungan sosial untuk pekerja, produktiviti pekerja dalam pekerjaan yang tidak formal, peningkatan kapasiti dalam tripartism dan pertikaian buruh serta keadilan buruh.

Badan teknikal ASEAN Declaration on the Protection and Promotion of the Rights of Migrant Workers (ACMW) memfokuskan pada perlindungan dan promosi hak pekerja asing di rantau ini.

Objektif utama ACMW, termasuk memastikan komitmen yang dibuat di bawah Deklarasi Cebu dilaksanakan dengan berkesan dan merealisasikan Konsensus ASEAN mengenai Perlindungan dan Promosi Hak Pekerja Migran.

ASEAN Occupational Safety and Health Network (ASEAN-OSHNET) bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dalam meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) di tempat kerja di rantau ASEAN.

Ia berfungsi juga sebagai satu platform untuk bertukar pengalaman dan maklumat dalam bidang piawaian OSH, latihan, penyelidikan, pemeriksaan OSH dan rangka kerja kebangsaan, dan pencegahan dan kawalan HIV, di tempat kerja.

Hasil perbincangan antara Menteri-menteri Buruh ASEAN, termasuk bersama pegawai kanan dari negara China, Jepun dan Republik Korea disatukan di dalam komunike Bersama ALMM Ke-27 dan Kenyataan Bersama ALMM+3 Ke-12.

Mesyuarat SLOM yang Ke-19; dan SLOM+3 yang Ke-21 akan diadakan di Negara Brunei Darussalam, pada tahun 2023.

Turut hadir semasa Mesyuarat tersebut, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Awang Salminan bin Haji Burut; dan Pesuruhjaya Buruh, Muhd Saufi bin Haji Ibrahim serta Pegawai-pegawai Kanan dari Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.





# سرواه سوچي

# مماجو دان ممنفعتكن سومبر بومي ملالوي ڤرتانين

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دڠن سبنر-بنر تقوى ياءيت دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤداڽ. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠاءيڠتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ، برأوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوڬ دأخيرة.

الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة البقرة، آية ١٦٨:

تفسيرڽ:

**واهي مأنسي! ماكنله (ماكنن) درڤد اڤ يڠ اد د بومي يڠ حلال لاڬي بايك دان جاڠنله كامو مڠيكوت جحق لڠكه شيطان. سسڠڬوهڽ شيطان ايت اياله موسوه يڠ ڽات باڬي كامو.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ منجاديكن بومي إين سباڬي همڤارن رزقي يڠ ساڠة لواس سڤاي كيت برأوسها منجاري سومبر رزقي يڠ حَلالاً طَيباً باڬي مپارا كهيدوڤن.

دڠن أوسها ايت، كيت بوله منجالنكن تڠڬوڠجواب ممبري نفقه كڤد كلوارڬ، منمڤوڠ ڤربلنجأن هارين دسمڤيڠ ممبريكن كيت كموداهن انتوق منونيكن عمل عبادة دان ممبوات عمل كباجيقن سڤرت مڠلواركن زكاة، برصدقه دان سأومڤماڽ.

ادڤون انتارا سومبر رزقي يڠ بوله دأوسهاكن ايت اياله بيدڠ ڤرتانين. كتهويله، بهاوا ڤرتانين مروڤاكن ساله ساتو دري ڤكرجأن يڠ أمة دڬالقكن دالم أڬام كيت. درڤد أنس بن مالك رَضِيَٱللَّهُعَنْهُ، رسول الله صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ برسبدا:

مقصودڽ:

**جك داتڠڽ هاري قيامة سدڠكن دتاڠن كامو اد بنيه دان ممڤو دتانم سبلوم داتڠڽ قيامة، مك هندقله كامو تانمڽ. {حديث رواية إمام أحمد}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

مماجو دان ممنفعتكن سومبر بومي ملالوي ڤرتانين مروڤاكن تونتوتن دالم أڬام كيت. ڤري مستحقڽ بيدڠ ڤرتانين دري ڤرسڤيكتيف أڬام إسلام إيت داڤت دليهت دري بايقڽ آية القرآن يڠ مپبوت تنتڠ حاصل تانمن دان بواه-بواهن يڠ برأنيكا ماچم. انتاراڽ فرمان الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دالم سورة النحل، آية ١١:

تفسيرڽ :

**دياله جوڬ يڠ منومبوهكن باڬي كامو دڠن أير هوجن إيت، تانم-تانمن، زيتون، كورما، أڠڬور دان سڬل جنيس بواه-بواهن. سسڠڬوهڽ ڤد يڠ دمكين إيت ترداڤت تندا (ككواسأن الله) باڬي قوم يڠ (ماهو) برڤيكير.**

رسول الله صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ دالم حديث بڬندا جوڬ تله مڠاءيڠتكن تنتڠ بتاڤ ڤرلوڽ تانه ڤرتانين إيت دباڠونكن انتوق مڠحاصلكن باهن مكانن دان تيدق مڠإذينكن سام سكالي تانه ايت تربيار دان دبذيركن دڠن بڬيتو سهاج. درڤد أبو هريرة رَضِيَٱللَّهُعَنْهُ، رسول الله صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ برسبدا:

مقصودڽ:

**بارڠسياڤ مميليكي سبيدڠ تانه، هندقله إي منانمڽ، اتو ممبريكنڽ كڤد سوداراڽ (سڤاي منانمڽ). نامون جك دي تيدق ماهو، هندقله إي منجاڬڽ. {حديث رواية إمام مسلم}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادوك سري بڬندا سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة إبن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، سلطان دان يڠ دڤرتوان نڬارا بروني دارالسلام دمجلس ڤرسمين مجلس علمُ ٢٠١٨ سمڤنا سمبوتن هاري أولڠ تاهون كڤترأن بڬندا يڠ ك-٧٢ تاهون اد برتيته مڠنأي ڤرتانين، انتارا تيته بڬندا:

**"إياڽ تيدق شك لاڬي اداله مروڤاكن بيدڠ ترڤنتيڠ، نامون إي جوڬ ترده كڤد ڤلباڬي چابران، دانتاراڽ چابران چواچ، كتيدق تنتوان كوندسي، سراڠن موسوه دان ڤپاكيت تانمن دان لاين-لاين لاڬي.**

**تتاڤي والو بڬيتو، كيت تتڤ دتونتوت انتوق منروكاڽ، مڠاڤكه مستي بڬيتو؟ كران ڤرتانين اداله ڤمڠكين كهيدوڤن. تنڤا ڤرتانين، كهيدوڤن بوله تركوكت.**

**بيدڠ ڤرتانين اداله بيدڠ يڠ منتوكن كلڠسوڠن كيت سباڬي بڠسا دان نڬارا يڠ مرديكا. سبب ايت تياد لاڬي ألاسن انتوق كيت ممڤرلاهنكن لڠكه كأره ڤرتانين.**

**ڤرتانين، ڤرلو دجبوري اوله سياڤ ساج. إي تيدقله ترباتس كڤد مريك يڠ مميليكي راتوسن هيكتر تانه، بارو هندق برتانم، بهكن اورڠ جوڬ بوله برتانم دهلامن-هلامن رومه ماسيڠ٢ اتو ددالم ڤاسو انتوق مڠحاصلكن، سڤرت ڤڤوهون سايور دان لادا سأومڤماڽ.**

**يڠ ڤنتيڠ، كيت إين تيدق اكن ديام بڬيتو ساج دڠن منسيا-سياكن ڤلواڠ برتانم. كيت مستي توروت مپومبڠ انتوق مڠهيجاوكن بومي، بومي يڠ هيجاو اداله لامبڠ رزقي."** دمكين بڬندا بريته.

جماعه يڠ درحمتي الله،

ڤد ستيڤ ١ نوۏمبر تله دإشتهاركن سباڬي هاري ڤلادڠ، ڤتاني دان ڤنترنق دان نلاين اوله كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادوك سري بڬندا سلطان دان يڠ دڤرتوان نڬارا بروني دارالسلام باڬي مڠإعتراف دان مڠنڠ جاس٢ ڤارا ڤلادڠ، ڤتاني، ڤنترنق دان نلاين دالم ڤرانن مريك سلاكو ڤنجان مكانن نڬارا دان مماجوكن إكونومي نڬارا.

**ممڤركاس ڤرودوق تمبه نيلاي، ڤماجو إكونومي نڬارا** اداله تيما سمبوتن هاري ڤلادڠ، ڤتاني، ڤنترنق دان نلاين ڤد تاهون اين. إياڽ سباڬي دوروڠن كڤد سموا يڠ ترليبت ترماسوق ڤارا ڤڠأوسها دالم بيدڠ ڤرتانين دان ڤرإيكانن انتوق تروس مليڤت ڬنداكن أوسها مريك ددالم ممڤرچڤتكن ڤرتومبوهن كلوارن ماسيڠ٢، ترأوتام سكالي دڠن مڠأدڤتاسيكن تيكنولوڬي يڠ برسسواين.

أوسها ترسبوت اداله مستحق باڬي منچاڤاي متلامت انتوق منجان ڤركمبڠن دان ڤرتومبوهن إكونومي نڬارا ملالوي سيكتور ڤرتانين دان ڤرإيكانن. سجارا كسيمڤولنڽ، تيما اين اداله برتڤتن دڠن حسرت كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادوك سري بڬندا سلطان دان يڠ دڤرتوان نڬارا بروني دارالسلام انتوق منيڠكتكن أوسها كأره ممباڠون إكونومي ملالوي بيدڠ يڠ دأڠڬڤ أوتام، سڤرت بيدڠ ڤرتانين دان ڤرإيكانن سباڬي سومبر مكانن أساسي كيت.

سيكتور إين ڤرلو دبري كأوتامأن كران إي اكن منتوكن كلڠسوڠن كيت سباڬي بڠسا دان نڬارا يڠ مرديك سرت بركممڤوان برتاهن باڬي سوروأوۏيليتي بڠسا دان نڬارا.

أخيرڽ، ماريله كيت سام-سام بردعاء، مڠمبليڠ تڠن دان أوسها باڬي مڠمبڠ ماجوكن لاڬي بيدڠ ڤرتانين، ڤنترنقن دان ڤرإيكانن دمي سوروأوۏيليتي اتو كلڠسوڠن بڠسا دان نڬارا كيت يڠ ترچينتا اين. موده-مودهن دڠن يڠ دمكين، نڬارا كيت اكن تروس ماجو دان سكاليڬوس اكن داڤت منيڠكتكن دان ممڤلباڬيكن لاڬي ايكونومي نڬارا. آمين يا رَبَّ العالمين.

تفسيرڽ:

**مك هندقله مأنسي ممرهاتيكن كڤد مكانن (سباڬي أساس كهيدوڤنڽ). سسڠڬوهڽ كامي تله منچورهكن أير (دري لاڠيت) دڠن لبتڽ. كمودين كامي ممبلهكن بومي دڠن سبايك-بايكڽ (انتوق تومبوه-تومبوهن). لالو كامي مينومبوهكن بيجي-بيجين. أڠڬور سرت سايور-سايورن. ڤوهون٢ زيتون دان كورما. كبون٢ يڠ سوبور. دان بواه-بواهن سرت برماچم-ماچم رومڤوت (ماكنن بيناتڠ). (سموا ايت) انتوق كسنڠن كامو دان بيناتڠ٢ ترناكن كامو.**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# MPMAM ADAKAN PERTANDINGAN HAFAZAN, AZAN

**Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**KATOK**, Ahad, 30 Oktober. - Awang Fawwaz Hijazi bin Md. Khairul Azim dan Dayang Nur Damia Faqihah binti Mohammad Aji masing-masing muncul johan pada Pertandingan Hafazan Surah-surah Pilihan Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan bagi para pelajar Kelas Muqaddam berumur 8 hingga 12 tahun peringkat Daerah Brunei dan Muara sempena Sambutan Maulidur Rasul.

Manakala, Awang Taufiq Nasrullah bin Asir muncul johan pada Pertandingan Azan Subuh yang diadakan di Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, di sini.





ANTARA peserta pada Pertandingan Hafazan Surah-surah Pilihan Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan bagi para pelajar Kelas Muqaddam berumur 8 hingga 12 tahun peringkat Daerah Brunei dan Muara sempena Sambutan Maulidur Rasul dan Pertandingan Azan Subuh (kiri dan kiri sekali).

Pertandingan Hafazan dan Azan berkenaan merupakan julung-julung kali ia diadakan anjuran Masjid Pengiran Muda Abdul Malik (MPMAM) dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir MPMAM bagi memberikan pendedahan secara praktikal kepada pelajar tentang tatacara pelaksanaan Azan yang betul selain meningkatkan penghayatan mereka terhadap amalan ibadah.

Sementara dari segi hafalan, matlamat utamanya ialah bagi memastikan para pelajar dapat membaca dan menghafaz surah-surah lazim dalam solat dengan baik.

Seramai 50 pelajar Kelas Muqaddam menyertai pertandingan berkenaan yang mewakili zon-zon di Daerah Brunei dan Muara.



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat pada pertandingan berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para pemenang, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Terdahulu, menurut Pengerusi Majlis, Awang Morni bin Haji Nayan menjelaskan, antara objektif pertandingan berkenaan diadakan ialah bagi mencungkil bakat melaung Azan dalam kalangan pelajar lelaki sekali gus melatih mereka menceburi bidang dakwah secara khusus dan secara tidak langsung melantik Bilal bertugas di surau-surau sekolah, di samping para pelajar yang menghafaz surah-surah pilihan berkenaan akan dapat membimbing mereka menjadi seorang hafiz dan hafizah pada masa akan datang.

# Menyediakan pendidikan berkualiti seiring perkembangan

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit dan Bahagian Pelita Brunei**



PENGERUSI Lembaga Pengarah Sekolah merangkap Pengerusi Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan SMCH BSB, Awang Ong Tiong Oh.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Oktober. - Seratus tahun usaha tanpa henti dan pembangunan yang mantap telah membolehkan Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan menyambut Ulang Tahun Ke-100 yang merupakan satu pencapaian penting bagi sekolah ini.

Sejak ditubuhkan seratus tahun yang lalu, sekolah ini membangun setapak demi setapak, bermula dari sebuah sekolah kecil yang hanya mempunyai beberapa orang pelajar hingga menjadi sebuah sekolah yang menyediakan pendidikan Tadika, rendah dan menengah dengan lebih dua ribu pelajar pada masa kini.

Pengerusi Lembaga Pengarah Sekolah merangkap Pengerusi Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan, Awang Ong Tiong Oh, di antara salah seorang yang telah berkhidmat selama 32 tahun penerima Anugerah Khidmat Lama Ahli-ahli Lembaga Pengarah ketika ditemu bual bersama media Pelita Brunei pada majlis tersebut, di sini.

Menurut beliau, selain daripada berperanan sebagai sebuah Sekolah Tionghua yang memelihara dan mewarisi bahasa ibunda, sekolah ini juga telah membantu negara dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berguna malah merupakan tonggak masa depan negara.

"Kejayaan yang dicapai selama ini telah mendapat pengiktirafan dan pujian daripada pelbagai pihak. Kesemua ini bukan saja merupakan hasil usaha para pengasas, penaja dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Sekolah yang telah banyak menyumbang dari segi masa, tenaga dan wang ringgit, malah ia juga adalah hasil daripada dasar terbuka yang diamalkan oleh kerajaan baginda selama ini melalui Dasar Pendidikan Negara," ujarnya lagi.

Dalam zaman yang sedang berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0, tambahnya, penerokaan, penyelidikan dan penguasaan ilmu pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi semakin penting.

"Maka adalah menjadi tugas dan tanggungjawab utama pihak sekolah untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti seiring dengan kehendak semasa agar misi untuk mencapai kejayaan dalam zaman Revolusi Industri 4.0 akan dapat dicapai," jelasnya lagi.

Dasar sekolah ini, ujarnya, mengutamakan pembelajaran tiga bahasa di samping penekanan terhadap lima aspek pendidikan yang merangkumi pendidikan akademik, moral, jasmani, seni dan sosial akan terus diperkukuhkan untuk memastikan kecemerlangan yang dicapai selama ini akan berterusan untuk tempoh seratus tahun yang akan datang.

Dalam masa yang sama, katanya lagi, sekolah ini juga bertekad untuk terus berfungsi sebagai sebuah institusi pendidikan swasta yang memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Manakala Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Sekolah merangkap Ketua Pengerusi Bersama Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, Awang Lim Boon Hwa, salah seorang yang telah berkhidmat selama 40 tahun penerima Anugerah Khidmat Lama Ahli-ahli Lembaga Pengarah sempena sambutan tersebut ingin mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja ke majlis yang bermakna ini.

Menurutnya, dalam tempoh seratus tahun ini, sekolah ini ditadbir oleh Lembaga Pengarah Sekolah dengan ahli-ahlinya berkhidmat secara sukarela tanpa mengerti susah dan payah. Sikap murni seperti ini akan terus dikekalkan dan diwarisi dari generasi ke generasi.

Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, katanya lagi, akan memasuki era baharu dan akan terus maju seiring dengan pembangunan negara.

Pihak sekolah sentiasa berusaha untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti tinggi dari peringkat Tadika hingga menengah atas agar dapat membantu negara untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Sementara bagi Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman salah seorang telah berkhidmat 10 tahun penerima Anugerah Khidmat Lama Ahli-ahli Lembaga Pengarah ingin mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja hadir bersama memeriahkan lagi Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan.

Menurutnya, persembahan pentas selama 30 minit ini dipersembahkan oleh pelajar-pelajar yang terdiri daripada pelajar Tadika sehingga menengah.

Persembahan ini menggabungkan irama klasik dan moden di samping penggunaan teknologi canggih yang melibatkan sepenuhnya anak-anak tempatan demi menunjukkan semangat 'Brunei Yakin'.

Sekolah Menengah Chung Hwa katanya, telah memberi penekanan yang khusus kepada pendidikan tiga bahasa dan menggunakan pendekatan holistik terhadap sistem pendidikannya, sehingga menghasilkan individu yang berjaya.

"Dalam usaha kolektif yang telah dibuat oleh pemimpin sekolah, guru dan pelajar sejak dahulu sehingga sekarang telah menjadikan Sekolah Menengah Chung Hwa mencapai 100 tahun telah menjadi kenyataan," tambahnya lagi.



TIMBALAN Pengerusi Lembaga Pengarah Sekolah merangkap Ketua Pengerusi Bersama Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan SMCH BSB, Awang Lim Boon Hwa.

# TANAI HASRAT KERAJAAN DALAM MENDUKUNG WAWASAN BRUNEI 2035

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BERAKAS**, Sabtu, 29 Oktober. - Dalam usaha untuk menjadikan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, seterusnya memiliki kehidupan yang berkualiti tinggi serta mencapai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, pelaksanaan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) dihasrat dapat dijadikan sebagai langkah bagi mewujudkan para peserta bermaklumat dan berilmu bagi sama-sama menanai hasrat kerajaan dalam mendukung pelaksanaan Wawasan Brunei 2035.

Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani selaku Pengerusi PMB bagi Jemaah Muslimah Masjid-Masjid Daerah Brunei dan Muara seterusnya menjelaskan, Jabatan Penerangan berharap agar program tersebut akan disambut dengan baik dan dimanfaatkan sepenuhnya.

"Selaras dengan visi Jabatan Penerangan 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat', PMB ini dikendalikan di keempat-empat daerah secara berterusan oleh Jabatan Penerangan, dengan menumpukan perhatian kepada institusi mukim dan kampung, persatuan dan kalangan belia, dengan perisian program yang bertujuan untuk memberikan maklumat terkini dalam pelbagai aspek dan bidang ke arah usaha untuk mendukung hasrat kerajaan menaik taraf kehidupan, ekonomi, meningkatkan kesejahteraan dan kewaspadaan serta kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini," ujarnya hari ini, semasa Majlis Pembukaan PMB bagi Jemaah Muslimah Masjid-Masjid Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, di sini.

Selain itu jelasnya, program ini juga dihasratkan dapat membuka minda peserta agar dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan ke arah pembangunan negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Beliau menambah, melalui PMB itu juga, Jabatan Penerangan berhasrat untuk menekankan lagi peranan dan tanggungjawab masyarakat kepada raja dan pembangunan negara melalui perisian program dalam bentuk taklimat, dialog dan lawatan ke tempat-tempat yang berpotensi membuka minda, menyuntik semangat peserta.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya dan para Jemaah Muslimah Masjid-masjid Daerah Brunei dan Muara semasa sesi bergambar ramai.

Selain itu, beliau juga menjelaskan, ia sekali gus memberikan motivasi, idea serta inspirasi kepada peserta program, ke arah melaksanakan aktiviti-aktiviti keusahawanan, pertanian dan sebagainya di kampung masing-masing, bagi menjana pertumbuhan ekonomi keluarga, masyarakat dan negara keseluruhannya.

Beliau juga berharap untuk program tersebut akan menjadi landasan yang unggul dalam mempertingkatkan hubungan yang erat dan mesra di antara para Jemaah Muslimah Masjid-Masjid Daerah Brunei dan Muara dengan Jabatan Penerangan dalam usaha menjadikan masyarakat yang kaya ilmu dan maklumat.

# Program sentuh perkembangan terkini kerajaan kepada masyarakat



ANTARA yang disampaikan pada Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) ialah taklimat mengenai Konsep Makanan Halal Dalam Islam disampaikan oleh Jabatan Hal Ehwal Syariah yang antara lain menyentuh mengenai Akta Daging Halal Penggal 183 dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005.

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BERAKAS**, Sabtu, 29 Oktober. - Dalam usahanya untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menyuntik semangat diri serta memberikan inspirasi kepada anggota masyarakat, Jabatan Penerangan, hari ini, mengadakan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi seramai 29 Jemaah Muslimah Masjid-Masjid Daerah Brunei dan Muara.

Program pada sebelah pagi itu dimulakan dengan sesi taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Taklimat antara lain bertujuan untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyuntik semangat patriotisme.

Kandungan taklimat antara lain menyentuh mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah, masyarakat serta keluarga dalam sama-sama menyumbang untuk kesejahteraan negara.

Ini kemudian diikuti dengan taklimat mengenai Konsep Makanan Halal Dalam Islam disampaikan oleh Jabatan Hal Ehwal Syariah yang antara lain menyentuh mengenai Akta Daging Halal Penggal 183 dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005.

Taklimat seterusnya mengenai Wawasan Brunei 2035 daripada Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri yang mengongsi beberapa inisiatif dan perkembangan terkini yang dilaksanakan ke arah menuju wawasan negara dalam bidang pendidikan, sumber tenaga manusia, sektor kesihatan, infrastruktur dan peningkatan keberkesanan dan produktiviti sektor awam.

Pada sebelah petang, para peserta berkesempatan mengunjungi Galeri Lentera Makmur, Jabatan Penerangan di mana galeri tersebut telah dirasmikan pada 10 April 2021.

Galeri ini merupakan sebagai nilai tambah kepada platform penyebaran maklumat yang sedia ada sejajar dengan objektif asal penubuhan Jabatan Penerangan pada 1 April 1952 untuk menyalurkan maklumat dasar dan aktiviti kerajaan kepada seluruh lapisan masyarakat sama ada di bandar atau pedalaman dalam usahanya untuk membudayakan masyarakat bermaklumat.

Para peserta juga berkesempatan mengunjungi Bangunan Inkubatur Makanan Perusahaan Kecil (IMPK), Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kilanas dan mendengarkan penerangan ringkas mengenainya disampaikan oleh Pegawai Pertanian, Dayang Hajah Saaimah binti Haji Abdi Manaf.

PMB yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan ini adalah untuk menyuntik semangat dan menginspirasikan anggota masyarakat bagi mempertingkatkan taraf hidup mereka melalui aktiviti keusahawanan serta memberi pengetahuan dan maklumat bagaimana untuk meningkatkan taraf hidup dengan membina ekonomi dalam bidang keusahawanan melalui taklimat-taklimat dari agensi-agensi tertentu.



PARA peserta semasa mengunjungi Bangunan Inkubatur Makanan Perusahaan Kecil, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kilanas dan mendengarkan penerangan ringkas mengenainya.

Selain itu, perkongsian maklumat bersama pengusaha yang berjaya juga dihasratkan akan dapat mewujudkan masyarakat kampung yang bermaklumat dan berilmu dalam sama-sama menanai hasrat kerajaan mencapai Wawasan Brunei 2035.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Turut hadir, Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin dan Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayang Nadhirah binti Haji Lahit.

Terdahulu, atur cara majlis dimulakan dengan penyampaian ucapan alu-aluan daripada Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani.



SERAMAI 29 jemaah Muslimah Masjid-masjid Daerah Brunei dan Muara menghadiri PMB.

## PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Bilangan Tawaran :
HMSF / TDR / 05 / 2022

Tajuk Projek :
THE SUPPLY, DELIVERY AND COMMISSIONING OF TWO UNIT (02) LIGHT TOW TRACTOR TO HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT OFFICE

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
29 November 2022,
jam 2.00 Petang.

## JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga :
AUD / UPKTM / Q&T / 2022-2023 / 20

MEMBELI 3 UNIT TELEVISYEN LED

Spesifikasi :
1. Display 55-inch
2. Screen Type LED
3. Input HDMI
4. Input USB
5. Smart TV
6. Resolution Standard 4K

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa, 15 November 2022
jam 12.00 Tengah Hari

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / 21 / 2022-2023

Keterangan :
Membekal, Menghantar Dan Menguji Perkakas Dan Peralatan Bagi Makmal Sains Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1443H - 1444H / 2022M - 2023M

Bayaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 21 Rabiulakhir 1444H / 16 November 2022M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAJUK TAWARAN :

Sebut Harga Bagi :

1. INSTALLING NEW PTO FOR LIGHT PUMPER BG2551 (RUJ : JBP / TSH / 28 / 2022-2023)

2. KURSUS MEMANDU KELAS 5 (RUJ : JBP / TSH / 29 / 2022-2023)

3. LEASING OF TREADMILL GYM EQUIPMENT [3 YEARS CONTRACT] (RUJ : JBP / TSH / 30 / 2022-2023)

4. MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KATIL, TILAM DAN BANTAL (RUJ : JBP / TSH / 31 / 2022-2023)

5. MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JENIS KAYU DAN PLYWOOD (RUJ : JBP / TSH / 32 / 2022-2023)

6. MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SELECT O MATIC (RUJ : JBP / TSH / 33 / 2022-2023)

Tarikh Tutup / Jam Tawaran :
Khamis, 17 November 2022
Jam 1.50 Petang

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

## KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
MOFE / Q / 2022-3

Tajuk Tawaran :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN BANGLO NO. 330, SIMPANG 35, JALAN MAULANA, KUALA BELAIT

Yuran Tawaran / Dokumen :
PERCUMA

Syarat-syarat Tawaran :
Sabtu, 5 November 2022
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

## JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDB / BKPD / SH / 18 / 2022

Tajuk Tawaran :
REPLACE EXISTING DAMAGED ROOFS AND TOILET SANITARY WORK AT DEWAN SERBAGUNA KG LABI II, MUKIM LABI

Yuran Tawaran :
BND 5.00

Kelas : 1 DAN II

Kategori : KA 01 /B 01

Tarikh Tutup :
8 November 2022
(Selasa)

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG SERTA MENGUJI LAMPU KESELAMATAN DI KAWASAN SEKOLAH

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 219 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MEMASANG SERTA MENGUJI LAMPU KESELAMATAN DI KAWASAN SEKOLAH BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH DATO OTHMAN
2. SEKOLAH MENENGAH LAMBAK KIRI
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu :
Sabtu, 19 November 2022

## UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0038 / 2022 / 2023
Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Bagi Kegunaan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Fakulti Pertanian Dan Pusat Halalan Thayyiban Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup :
Rabu,
9 November 2022
Jam 2.00 Petang

## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 127 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY, DELIVERY AND INSTALL NEW BATTERIES, AND TROUBLE SHOOTING AND GENERAL SERVICING OF VOLVO PENTA 400KVA GENERATOR AT RTB ANDULAU TRANSMITTER STATION, BELAIT.

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (*Hardcopy*) :
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
9 November 2022,
jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
30 / SEPT / KKBS / PJK / 16.105 / 2

Tajuk Sebut Harga :
THREE (3) YEARS TERM MAINTENANCE REPAIR TO MULTI TRAINING STRUCTURES (MTS) AND PERSONAL PROTECTION EQUIPMENTS (PPE) AT PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) CAMP, BATU APOI TEMBURONG, BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa,
1 November 2022
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI PEJABAT / SEKOLAH DAN MAKTAB DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 186 / 2022 / 2023
[UPPK-OKT-2022]

Keterangan :
KB ZON 3 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI PEJABAT DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

1. BANGLO PEJABAT JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH (0.50 EKAR)
2. BANGLO PEJABAT UNIT PERUMAHAN DAN UNIT KENDERAAN (0.50 EKAR)
3. BANGLO PEJABAT UNIT PENDIDIKAN KHAS (0.50 EKAR)
4. BANGLO PEJABAT JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM (0.50 EKAR)
5. BANGLO PEJABAT JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET (0.50 EKAR)
6. BANGLO PEJABAT UNIT PENGHAPUSAN DAN KIRA-KIRA (1.00 EKAR)
7. BANGLO PEJABAT BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERMAKANAN DAN ASRAMA (0.50 EKAR)

JUMLAH KESELURUHAN 4.00 EKAR BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 187 / 2022 / 2023
[UPPK-OKT-2022]

Keterangan :
KB ZON 4 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI SEKOLAH DAN MAKTAB DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

1. SEKOLAH RENDAH SUNGAI LIANG (3.50 EKAR)
2. SEKOLAH RENDAH LUMUT (2.00 EKAR)
3. SEKOLAH RENDAH SUNGAI TALI (3.50 EKAR)
4. SEKOLAH MENENGAH PG ANAK PUTERI HAJAH RASHIDAH SAADATUL BOLKIAH (10.00 EKAR)

JUMLAH KESELURUHAN 19.00 EKAR BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 188 / 2022 / 2023
[UPPK-OKT-2022]

Keterangan :
KB ZON 5 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI SEKOLAH DAN MAKTAB DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

1. SEKOLAH RENDAH PG SETIA NEGARA PG MOHD YUSOF, LORONG TIGA (8.00 EKAR)
2. SEKOLAH RENDAH MUHAMMAD ALAM (2.00 EKAR)
3. MAKTAB ANTHONY ABELL, SERIA (5.00 EKAR)
4. SEKOLAH RENDAH PANAGA (2.50 EKAR)
5. IBTE KAMPUS SULTAN BOLKIAH (20.00 EKAR)

JUMLAH KESELURUHAN 37.50 EKAR BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 189 / 2022 / 2023
[UPPK-OKT-2022]

Keterangan :
KB ZON 6 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI SEKOLAH DAN MAKTAB DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

1. SEKOLAH RENDAH PG SETIA JAYA PG HAJI ABDUL MOMIN (8.00 EKAR)
2. SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA ALI (6.00 EKAR)
3. PUSAT TINGKATAN ENAM BELAIT (2.50 EKAR)
4. SEKOLAH MENENGAH PG JAYA NEGARA PG HAJI ABU BAKAR (16.00 EKAR)
5. ASRAMA PUTERA DAN PUTERI SEKOLAH MENENGAH PG JAYA NEGARA PG HJ ABU BAKAR (4.00 EKAR)
6. SEKOLAH MENENGAH PERDANA WAZIR (7.00 EKAR)

JUMLAH KESELURUHAN 43.50 EKAR BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 190 / 2022 / 2023
[UPPK-OKT-2022]

Keterangan :
KB ZON 7 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI SEKOLAH DAN MAKTAB DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

1. SEKOLAH RENDAH AHMAD TAJUDDIN (4.00 EKAR)
2. SEKOLAH RENDAH KUALA BELAIT (3.00 EKAR)
3. SEKOLAH RENDAH SUNGAI TERABAN (4.00 EKAR)
4. IBTE KAMPUS JEFRI BOLKIAH (10.00 EKAR)
5. ASRAMA PUTERA DAN PUTERI IBTE KAMPUS JEFRI BOLKIAH (3.50 EKAR)
6. SEKOLAH RENDAH PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIEN (2.00 EKAR)

JUMLAH KESELURUHAN 26.50 EKAR BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 191 / 2022 / 2023
[UPPK-OKT-2022]

Keterangan :
KB ZON 8 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI SEKOLAH DAN MAKTAB DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

1. SEKOLAH RENDAH DATO MAHARAJA SETIA DIAN SUKANG (1.00 EKAR)
2. SEKOLAH RENDAH MERANGKING (2.00 EKAR)
3. SEKOLAH RENDAH MELILAS (1.00 EKAR)
4. SEKOLAH RENDAH ORANG KAYA PEMANCHA BERANDAI BUKIT SAWAT (2.00 EKAR)

JUMLAH KESELURUHAN 6.00 EKAR BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu :
Sabtu, 12 November 2022

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / LTN / BT / 01 / 2022-2023

Tajuk Tawaran :
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bot Temuai Bagi Sekolah-Sekolah Ugama Di Kawasan Kampong Ayer Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama [Keperluan Empat (4) Buah] Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Bagi Tahun 1444H - 1445H / 2022M - 2023M

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 20 Rabiulakhir 1444H / 15 November 2022M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang




**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kelas :
II, III, IV

Kategori :
KPB12

JASTRE / BL / T021 / 2022

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN DAN PENYELENGGARAAN LUARAN BAGI ISTANA DARUL AMAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN

Kelas : III & V
Kategori : KPB12

JASTRE / BL / T022 / 2022

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN LANDSKAP DAN PENYELENGGARAAN LUARAN BAGI ISTANA DARUT TAQWA DAN ASSIADAH, JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

Tarikh Buka Tawaran Pada :
Rabu,
26 Oktober 2022

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 8 November 2022

Tarikh Tutup Pada :
Selasa,
15 November 2022
sebelum jam 2.00 Petang.

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH 2005**

**SAMAN GANTIAN DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Saman No. :**
**BM / MRS / MAL-A / P012A / 0707 / 08-2022**

ANTARA

**NURAQILAH BINTI KAMAL SHAH**
- PLAINTIF - Pemohon

DAN

**KAMAL SHAH BIN HAJI TUAH**
- DEFENDAN - Responden

**Kepada :**
**KAMAL SHAH BIN HAJI TUAH**
**No. Kad Pengenalan : 00-075839 (Kuning),**

**Beralamat :**
Tidak diketahui

KAMU adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Brunei dan Muara pada **Khamis, 10 Rabiulakhir 1444H / 5 November 2022M pada jam 8.30 Pagi** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi **Permohonan Wali Hakim Kerana Wali Tidak Boleh Dikesan.**

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

**Bertarikh :**
**1 Rabiulakhir 1444H / 27 Oktober 2022M**

**METERAI**
**Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara Negara Brunei Darussalam**

---

**JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN TAWARAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
**(75) INFO / PK / K / 7 (2022-2023)**

**Tajuk Sebut Harga :**
**PEMBEKALAN EXCLUSIVE GIFT JABATAN PENERANGAN OPTION A**

**Bilangan Sebut Harga :**
**(76) INFO / PK / K / 7 (2022-2023)**

**Tajuk Sebut Harga :**
**PEMBEKALAN EXCLUSIVE GIFT JABATAN PENERANGAN OPTION B**

**Yuran Sebut Harga :**
**Tidak dikenakan bayaran**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu,2 November 2022, Jam 2.00 Petang**

---

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**TAWARAN BAGI MENJALANKAN PERUSAHAAN TERNAKAN UDANG DI TAPAK INDUSTRI TERNAKAN UDANG DI LOT 10029, KAMPUNG KERAMUT, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Tarikh Tutup :**
**1 Disember 2022**
**Jam 2.00 Petang.**

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM**

**Kelas :II & III**

**Kategori :**
**KA01 - KOD BAHARU**

**Bilangan Tawaran :**
**JKR / DTS / 24 / BKTKS / 2022-T / II**

**Nama Projek :**
**KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAGI TANAH SUSUR DAN BESI PAGAR KOMPLEKS RUMAH KEBAJIKAN BELIMBING, KG SUBOK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Yuran Tawaran :**
**BND30.00 (Tidak dikembalikan)**

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**
**Selasa, 15 November 2022**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 29 November 2022, Jam 2.00 Petang**

---

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**KES NO. BCY / CP / 14 / 2013**

**Nama Penghutang -** Mazlan bin Manaf (BYIC No. 00-122300) - **Alamat -** Barek 421, B8, Spg 198, Lorong 3 Selatan, Seria KB1533, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 14 Tahun 2013. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 77.37%. **Pertama atau terakhir selainnya - Kedua Bila Kena Dibayar -** 27 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**26 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**KES NO. BCY / CP / 192 / 2014**

**Nama Penghutang -** Mohamad Suffian bin Haji Yusof (BYIC No. 00-256812) - **Alamat -** Lot 4018, No.164, Jalan Setia Pahlawan, Kuala Belait KA1931, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 192 Tahun 2014. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 53.68%. **Pertama atau terakhir selainnya - Kedua Bila Kena Dibayar -** 27 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**26 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**KES NO. BCY / CP / 192 / 2014**

**Nama Penghutang -** Mohamad Suffian bin Haji Yusof (BYIC No. 00-256812) - **Alamat -** Lot 4018, No.164, Jalan Setia Pahlawan, Kuala Belait KA1931, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 192 Tahun 2014. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 53.68%. **Pertama atau terakhir selainnya - Kedua Bila Kena Dibayar -** 27 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**26 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**KES NO. BCY / CP / 236 / 2013**

**Nama Penghutang -** Mohammad Suhaimi bin Haji Suchi (BYIC No. 00-256812) - **Alamat -** Flat Kondo Blok A5-3, Jalan Dhobi, Berakas Kem, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 236 Tahun 2013. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 70.09%. **Pertama atau terakhir selainnya - Kedua Bila Kena Dibayar -** 27 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**26 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga**

**KES NO. BCY / CP / 253 / 2001**

**Nama Penghutang -** Hj Rosezan bin Adi (BYIC No. 00-059189) - **Alamat -** Lot 5011, No.7, Spg 104, Jln Pantai, Kg Sg Liang, Kuala Belait KE1135, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 253 Tahun 2001. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 26.07%. **Pertama atau terakhir selainnya - Kedua Bila Kena Dibayar -** 27 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**26 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**KES NO. BCY / CP / 13 / 2010**

**Nama Penghutang -** Zulfikri bin Haji Masri (BYIC No. 00-112168) - **Alamat -** No.14, Spg 30-16, Jln Wasai Limuru Barat, RPN Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 13 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya - Kedua Bila Kena Dibayar -** 27 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**26 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**KES NO. BCY / CP / 89 / 2013**

**Nama Penghutang -** Nasib bin Ahmad (BYIC No. 00-068401) - **Alamat -** No.8, Lot 26, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kg Rataie, Temburong, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 89 Tahun 2013. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya - Kedua Bila Kena Dibayar -** 27 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**26 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**KES NO. BCY / CP / 133 / 2010**

**Nama Penghutang -** Hasnah binti Haji Baki (BYIC No. 00-071605) - **Alamat -** No.6, Spg 54, Jln 24, Kg Perpindahan Rimba, Gadong BE3119, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 133 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya - Kedua Bila Kena Dibayar -** 27 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**26 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**KES NO. BCY / CP / 262 / 2011**

**Nama Penghutang -** Nelia binti Mohammad Eusoff (BYIC No. 00-288622) - **Alamat -** No.6A, Simpang 30, Kg Manggis Dua, Jalan Muara BC3515, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 262 Tahun 2011. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya - Kedua Bila Kena Dibayar -** 27 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**26 September 2022**

**HAJAH NORMAZDINA BINTI MD. MASKUB**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

# IMBASAN MINGGUAN

PROGRAM Amal Belia anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Tutong melaksanakan programnya di Kediaman seorang warga emas di Kampung Penabai, Jalan Kuala Tutong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.





ANTARA para jemaah yang hadir pada Tazkirah Subuh yang diadakan pada Sembahyang Subuh Berjemaah sebelum berlangsungnya Riadah Berbasikal Keputeraan 2022 sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76, Tahun 2022, yang diadakan pada Program Bandarku Ceria. - Foto : Hamzah Mohidin.




PETI undi dibuka pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Telisai, Calon Ketua Kampung Bukit Beruang dan RPN Bukit Beruang (asal) dan Calon Ketua Kampung RPN Bukit Beruang Kawasan 3, yang berlangsung secara serentak di Dewan Kemasyarakatan RPN Bukit Beruang. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.




PARA peserta Kempen Kebersihan Pantai (*plogging*) yang dikendalikan 11 pelajar dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) melakukan aktiviti fizikal. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



SEBAHAGIAN daripada mereka yang terlibat pada Riadah Berbasikal Keputeraan. - Foto : Hamzah Mohidin.

# SV MULAKAN MESYUARAT GBM PERTAMA SECARA FIZIKAL

Siaran Akhbar dan Foto : SEAMEO VOCTECH

**BANGKOK**, THAILAND, Jumaat, 28 Oktober. - Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH (SV) telah mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengelola Ke-33 (33rd Governing Board Meeting-GBM) pada Rabu, 26 Oktober 2022 di Hotel Avani Sukhumvit di Bangkok, Thailand.

Mesyuarat berkenaan diadakan secara fizikal buat kali pertama setelah mengendalikannya secara maya selama tiga tahun sejak tahun 2019.

Turut hadir, ahli daripada 11 buah negara SEAMEO, iaitu Negara Brunei Darussalam; Kemboja; Indonesia; Republik Demokratik Rakyat Lao; Malaysia; Myanmar; Filipina; Singapura; Thailand; Timor Leste; dan Viet Nam.

Pejabat Suruhanjaya Pendidikan Vokasional (Office for Vocational Education Commission-OVEC), Thailand telah menganjurkan dan membiayai bersama Mesyuarat Governing Board (GB) dan Persidangan Antarabangsa pada hari-hari berikutnya.

Turut hadir, pemerhati daripada Sekretariat SEAMEO, beberapa Negara Anggota SEAMEO, rakan kongsi strategik GIZ-RECOTVET dan LabTech International, serta pengurusan SV.

Mesyuarat berkenaan dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pusat SV, Awang Alias bin Haji Abu Bakar, yang turut mengetengahkan pencapaian SV dalam tahun fiskal yang lalu (Julai 2021 hingga Jun 2022).

Ini katanya termasuk kontrak selama dua tahun yang ketara dengan Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) untuk menyediakan latihan penjagaan pelanggan berkualiti kepada kakitangan JPMC, kesediaan institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Techincal Vocational Education and Training-TVET) untuk IR 4.0 di Asia Tenggara dan penyelidikan Inter-Centre Collaboration (ICC) yang diketuai oleh SV, Perkongsian UK-Asia Tenggara yang dikenali sebagai UK-SEA PEER projek kerjasama penyelidikan dengan Universiti Coventry, pelancaran platform e-pembelajaran SEA-VET dan SV Smart Lab baru-baru ini hasil daripada usaha berterusan SV untuk kekal relevan dengan sektor TVET semasa, dan perkembangan akan datang seperti Halaman Sektor Swasta di Platform Pengetahuan Serantau SEA-VET.net yang dihoskan oleh SV.

Awang Alias juga turut menyifatkan pencapaian berkenaan adalah hasil usaha berterusan pusat ke arah matlamat serantau dan mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Beliau juga menekankan bahawa semua aktiviti dan inisiatif SV dirancang dan direka bentuk untuk menyokong dan sejajar dengan Pelan Strategik SEAMEO, terutamanya memfokuskan kepada Bidang Keutamaan 4: Mempromosikan TVET dengan meningkatkan akses kepada TVET berkualiti; Pelan Kerja Pendidikan ASEAN Hasil 4: Meningkatkan akses kepada TVET permulaan dan berterusan yang berkualiti sebagai tindak balas kepada permintaan pasaran buruh yang berubah; dan Majlis TVET ASEAN (ASEAN TVET Council-ATC) untuk membuka jalan dalam merangka hala tuju masa depan bagi kemajuan TVET di rantau ini.

Pengerusi Lembaga Tadbir (GB) SV, Dr. Haji Mohd Zamri bin Haji Sabli, memuji ketabahan pusat berkenaan dalam mencapai kejayaannya, walaupun menghadapi cabaran semasa pandemik COVID-19.

Dr. Haji Zamri juga memuji SV atas jumlah memberangsangkan dengan seramai 582 peserta telah mengambil bahagian dalam program latihan dan bengkel SV dalam tahun fiskal.

"Berkali-kali, TVET telah berjaya membuktikan dirinya sebagai komponen yang layak bagi negara dan agenda serantau kerana pusat ini secara rutin dapat mengukir penyelesaian yang berkualiti, berimpak dan inovatif kepada keperluan TVET zaman moden," katanya lagi.

Kepentingan memperkukuhkan kerjasama dan perkongsian turut diutarakan dalam ucapan yang disampaikan secara maya oleh Pengarah Sekretariat SEAMEO (SEAMES) di Thailand, Dr. Ethel Agnes P. Valenzuela, menyatakan ia amat penting untuk manfaat keseluruhan rantau ini.

Dr. Ethel Agnes P. Valenzuela juga turut menyatakan bahawa SEAMES tidak sabar untuk berkongsi Pelan Strategik SEAMEO 2021 - 2030 dan Pelan Operasi Bersepadu SEAMEO 2021 - 2025, yang akan digunakan sebagai panduan untuk lima tahun akan datang.

Dengan ini, Dr. Ethel Agnes P. Valenzuela mengiktiraf SV sebagai pusat penting di barisan hadapan dalam usaha ke arah pendidikan TVET yang inklusif, saksama, berkualiti dan pembelajaran sepanjang hayat.

Mesyuarat GB turut dihadiri oleh tetamu kehormat dan wakil ahli GB dari Thailand, Penasihat Dasar dan Perancangan, OVEC, Wittawat Punjamawat.

Wittawat Punjamawat menekankan keperluan untuk warga Thailand berusaha ke arah pembangunan sumber manusia dalam Strategi Nasional 20 tahun Thailand.

Sejajar dengan visi memperkukuhkan kerjasama jelas Wittawat Punjamawat lagi, ia menekankan kerjasama utama dan penglibatan semua sektor untuk meningkatkan potensi tenaga kerja, seperti yang dicerminkan oleh peranan utama Mesyuarat GB, iaitu untuk membolehkan tindakan berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk meningkatkan TVET.

Sesi perasmian Mesyuarat GBM Ke-33 berkenaan diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama ahli GB dan pemerhati.

Sebanyak 15 kertas kerja telah dibentangkan oleh SV untuk kelulusan, pertimbangan atau maklumat ahli GB.



**PUSAT Serantau SEAMEO VOCTECH mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengelola Ke-33 di Hotel Avani Sukhumvit di Bangkok, Thailand.**

# 32 murid diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 28 Oktober. - Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei (ISB) baru-baru ini meraikan seramai 32 murid yang terdiri daripada 11 murid lelaki dan 21 murid perempuan pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Murid-murid Darjah VI bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi.

Hadir menyemarakkan majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah di sini ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin bin Haji Johari.

Turut hadir pada majlis tersebut, Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Hajah Intan Khairani binti Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Haji Yahya.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Dayang Hajah Nor Ashikin diikuti dengan bacaan Al-Quran oleh para peserta khatam.

Setelah itu, majlis diserikan dengan bacaan Takhtim daripada murid-murid Darjah 5 dan 6 Ta.

Doa Khatam dibacakan oleh Awang Shahmi' Zulfadhli Haikal bin Mohammad Rhuziman dan Doa Selamat pula dipimpin oleh Awang Ahmad Padilah bin Haji Rabaha.

Majlis kali ke-8 itu juga disemarakkan dengan merenjis minyak wangi diiringi dengan Dikir Marhaban daripada murid-murid Darjah 5 dan 6 Ta.



**SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir selaku tetamu kehormat dan bergambar ramai pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Murid-murid Darjah VI bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei.**




MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Kesihatan Mental Harus Diberi Perhatian'.** Tarikh Tutup : **2 November 2022**
2. **'Kukuhkan Institusi Keluarga Dengan Acuan Islam'.** Tarikh Tutup : **9 November 2022**
3. **'Tingkatkan Kesedaran Penyakit Tidak Berjangkit'.** Tarikh Tutup : **16 November 2022**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# KUNJUNGI PESTA PELANCONGAN SABRE TRAVEL NETWORK



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**SUNGAI HANCHING,** Sabtu, 29 Oktober. - Pesta Pelancongan anjuran Sabre Travel Network (Brunei) Sendirian Berhad menawarkan harga tambang yang istimewa dan menarik bagi para pelanggan yang hendak merancang keluar negeri terutama sekali pada musim cuti persekolahan hujung tahun ini nanti.

Pembukaan yang dirasmikan sendiri oleh Pengerusi Sabre Travel Network (Brunei) Sdn. Bhd., Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid di Pusat Membeli-belah One City, Sungai Hanching, hari ini dalam ucapannya berkata bahawa pesta tersebut merupakan edisi kali yang ke-17 ia diadakan.

Kapten Sabirin menjelaskan pesta tersebut merupakan satu demonstrasi komitmen mereka bagi menyediakan rakan kongsi pelancongan dengan platform bagi mempromosi produk dan juga perkhidmatan mereka dan menawarkan para pelanggan kemudahan membeli-belah untuk pelbagai tawaran dan pakej pelancongan.

Pesta pelancongan berkenaan, tambahnya, juga berfungsi bagi menyediakan pembekal pelancongan tempatan peluang untuk mempamerkan pakej dan promosi tersedia di Negara Brunei Darussalam termasuk pakej-pakej penginapan yang terkenal di negara ini.

Pelbagai kemudahan telah disediakan antaranya syarikat penerbangan, bank, perhotelan, perkhidmatan insurans dan ejen pelancongan dengan platform unik dalam mempromosikan dan mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka bagi para pelanggan dan pengunjung di sepanjang pesta dua hari ini.

Pameran ini juga terbuka kepada semua pengembara bagi menyediakan kemudahan



**PENGERUSI Sabre Travel Network (Brunei) Sdn. Bhd., Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid semasa merasmikan pesta pelancongan dan seterusnya pameran yang terdapat di Pesta Pelancongan anjuran Sabre Travel Network (Brunei) Sendirian Berhad (atas dan kiri).**

membeli-belah untuk pelbagai tawaran perjalanan di bawah satu tempat.

Adapun agensi - agensi yang menyertai pesta itu antaranya Anthony Tours and Travel Agency, At-Taqwa Travel Tours, Dar El Ehsan Travel, Darussalam Holdings, Freme Travel Services, Halim Tours and Travel, JJ Tour Service, Pan Bright Travel Service, Southern Cross Travel Agencies dan Straits Central Agencies.

Selain itu, beberapa organisasi pelancongan kebangsaan (national tourism organisations) termasuk Lembaga Pelancongan Brunei, Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia, Lembaga Pelancongan Sabah dan juga Lembaga Pelancongan Sarawak.

Sementara Baiduri Bank Berhad, Bank Islam Brunei Darussalam, Imagine, Royal Brunei Airlines (RB), Singapore Airlines, Standard Chartered Bank dan Tourism Authority of Thailand juga tidak ketinggalan menyertai dalam menyokong bagi kemudahan para pelanggan di pesta itu selain perkhidmatan insurans daripada Insurans Islam TAIB dan Takaful Brunei Am.

Pesta ini dibukakan kepada kunjungan orang ramai iaitu dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam, justeru, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir bagi sama-sama menikmati promosi yang ditawarkan.

# Sesi pembarigaan Garis Panduan Penjimatan Tenaga



**TAKLIMAT Garis Panduan Penjimatan Tenaga bagi pemilik premis kedai-kedai runcit di Daerah Tutong diakhiri dengan sesi soal jawab dari pemilik premis kedai runcit yang hadir.**

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Sabtu, 29 Oktober. - Dalam usaha menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah negara yang mengamalkan penggunaan tenaga elektrik yang cekap, bijak dan berhemah, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan beberapa siri sesi pembarigaan mengenai Garis Panduan Penjimatan Tenaga yang melibatkan sektor komersial di seluruh negara.

Pembarigaan tersebut dijadualkan berlangsung di keempat-empat daerah di mana pada peringkat awal adalah ditumpukan kepada kategori kedai-kedai runcit.

Sehubungan itu, sesi pembarigaan mengenai garis panduan tersebut telah diadakan di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Tutong, yang dihadiri oleh seramai 17 pemilik kedai runcit di daerah berkenaan.

Pengisian taklimat telah disampaikan oleh Ketua Unit Kecekapan dan Penjimatan Tenaga, Muhammad Rifdi bin Haji Sahari dari Bahagian Peralihan Tenaga.

- **SESI taklimat berkenaan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Tenaga dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai dengan kepentingan pengurangan penggunaan tenaga elektrik melalui tiga komponen utama iaitu dari segi pengetahuan, pandangan dan tindakan.**

- **SELAIN itu, untuk menyemai amalan cekap tenaga bagi mengelakkan pembaziran tenaga elektrik sekali gus mempertingkatkan aspek keselamatan, di samping mendukung usaha Jabatan Tenaga bagi menjimatkan penggunaan bahan bakar, mengurangkan pengeluaran karbon dan memupuk kelestarian tenaga negara.**

Sesi taklimat berkenaan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Tenaga dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai dengan kepentingan pengurangan penggunaan tenaga elektrik melalui tiga komponen utama iaitu dari segi pengetahuan, pandangan dan tindakan.

Selain itu, untuk menyemai amalan cekap tenaga bagi mengelakkan pembaziran tenaga elektrik sekali gus mempertingkatkan aspek keselamatan, di samping mendukung usaha Jabatan Tenaga bagi menjimatkan penggunaan bahan bakar, mengurangkan pengeluaran karbon dan memupuk kelestarian tenaga negara.

Objektif utama pembarigaan Garis Panduan Penjimatan Tenaga ini adalah untuk menyarankan pengurangan penggunaan tenaga elektrik di dalam premis-premis kedai runcit seperti sistem pencahayaan (lampu), pendingin hawa, peti sejuk dan barangan elektrik lain, tanpa menjejaskan fungsi premis dan keselesaan para pengguna.

Jabatan Tenaga menyasarkan bagi pengurangan penggunaan tenaga elektrik secara bersepadu di kesemua sektor menjelang tahun 2025 sebanyak 230 GWh di mana sekitar 30 peratus adalah sumbangan daripada sektor komersial.

Premis-premis kedai runcit dan orang ramai juga digalakkan untuk menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui melalui pemasangan sistem fotovoltaik solar atas bumbung seperti yang telah berjaya dilaksanakan bagi bangunan komersil Kompleks Bumiputra di Pekan Bangar pada tahun 2020. Sesi pembarigaan tersebut diakhiri dengan sesi soal jawab daripada pemilik kedai runcit yang hadir.

## DARI MAHKAMAH

# Tinggal lebih masa : Dipenjara, disebat

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Oktober. - Seorang lelaki, warganegara Filipina, dijatuhkan hukuman lima bulan penjara dan tiga kali sebatan bagi satu pertuduhan, di bawah Seksyen 15 (1) Akta Imigresen, Penggal 17, yang membawa hukuman di bawah Seksyen 15 (2) (b) akta yang sama.

Majistret Kanan Hajah Ervy Sufitriana binti Haji Abdul Rahman menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Amran Aboga-A, di Mahkamah Majistret, di ibu negara, di sini.

Amran Aboga-A (Defendan), berumur 29 tahun, didakwa kerana tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam tanpa alasan yang munasabah setelah Pas Lawatan mansuh bagi tempoh selama 401 hari.

Defendan pertama kali ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 2019, dengan menggunakan pas lawatan. Sejak dari itu, defendan bekerja sebagai *freelance*, di restoran-restoran dan hotel-hotel hingga tahun 2021.

Pada 25 Oktober 2022, kira-kira jam 10.30 pagi, defendan ditangkap dalam operasi yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kuala Belait, di Terminal Bus, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.

JIPK menjalankan siasatan, di mana mendapati bahawa pas lawatan defendan disahkan pada 19 Jun 2021 dan tempohnya berakhir hingga 19 September 2021.

Dalam rekod, defendan tidak ada mempunyai kesalahan lalu dan ini merupakan kesalahan pertama, di bawah Akta Imigresen.

Pendakwaan tertuduh dijalankan oleh pihak Pendakwa Raya di JIPK, Adi Yusra bin Haji Adnan.




# Praktik gaya hidup sihat, elak penyakit strok

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Jabatan Penerangan**
**Infografik : Meja Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei**

HARI Strok Sedunia disambut pada 29 Oktober setiap tahun. Hari kesedaran global ini telah ditubuhkan oleh Pertubuhan Strok Sedunia atau World Stroke Organization (WSO) untuk meningkatkan kesedaran dan memacu tindakan terhadap strok di seluruh dunia. Hari Strok Sedunia adalah peluang untuk meningkatkan kesedaran tentang kadar strok yang tinggi dan cara untuk mengurangi dan mencegah penyakit strok melalui kesedaran orang ramai dengan mengetahui tentang faktor risiko dan tanda-tanda strok. Ianya juga untuk memperingati perjuangan seorang pesakit strok, penjaga dan juga keluarga yang telah menjaga dan merawat pesakit strok.

**Tema tahun ini**

Pada tahun ini, Hari Strok Sedunia telah membawa tema *#Precioustime*. Di mana ia disimpulkan oleh WSO untuk mempromosikan kempen kesedaran dan sokongan Hari Strok Sedunia untuk mempercepatkan kempen 2021 tahun sebelumnya 'Minutes Can Save Lives'.

Tema 2022 tahun ini, *#Precioustime*, terus menggalakkan dan mendidik orang ramai untuk memahami kepentingan tanda dan gejala strok dan mendapatkan diagnosis awal untuk mengelakkan komplikasi. Tema ini juga menyokong dan merayu kepada organisasi dan komuniti lain untuk menyokong kemudahan yang lebih baik dan mewujudkan peluang untuk mangsa strok mendapat akses pantas kepada rawatan strok.

**Apa itu strok?**

Strok berlaku apabila bekalan darah ke otak terputus sama ada secara keseluruhan atau sebahagian kerana sel otak memerlukan oksigen dan nutrien secara berterusan. Jika bekalan darah tidak dipulihkan tepat pada masanya, sel akan mula mati. Inilah sebabnya mengapa sangat penting seseorang itu untuk mendapatkan rawatan secepatnya sebaik sahaja terdapat gejala-gejala strok terhadap diri mereka. Strok ini memang penyakit kerosakan otak yang berlaku apabila aliran darah ke otak tersekat disebabkan saluran darah tersumbat ataupun ada setetengah orang yang ada pendarah di dalam otak disebabkan kebocoran saluran darah.

**Tanda-tanda strok**

Antara tanda-tanda strok yang perlu kita ketahui ialah apabila kawasan muka mula rasa kebas yang boleh menyebabkan senyuman yang tidak seimbang. Ada sesetengah orang yang mengalami tanda seperti kelemahan pada satu tangan atau separuh badan. Selain itu, hilang keseimbangan atau koordinasi badan mungkin terjadi kepada individu itu. Kebanyakan pesakit strok yang mengalami kesukaran untuk bercakap atau percakapan mereka sukar untuk difahami. Masalah pada penglihatan juga salah satu tanda strok yang perlu kita ambil tahu.

**Cara mudah mengetahui gejala strok**

Cara yang paling mudah untuk kita ingat akan tanda-tanda strok adalah dengan menggunakan singkatan B.E.F.A.S.T yang memberikan maksud seperti berikut :

'B' - Balance atau pergerakan yang tidak seimbang. Jika ini hilang atau pergerakan koordinasi tidak menentu, mungkin ini adalah salah satu tanda strok.

'E' - Eyes atau mata. Jika mata tiba-tiba tidak nampak atau penglihatan menjadi kurang jelas.

'F' - Face atau wajah. Jika setengah wajah itu lemah dan senyuman menjadi sengit sebelah.

'A' - Arm atau tangan. Jika seseorang itu tidak dapat mengangkat tangan atau lemah sebelah tangan.

'S' - Speech atau pertuturan. Sukar untuk bercakap atau percakapan tidak tembus dan sukar untuk difahami.

'T - Time atau masa. Kita hendaklah bertindak cepat dan menghubungi pihak rawatan untuk meminta bantuan.

**Cara yang boleh diamalkan untuk mencegah penyakit strok**

Penyakit strok ini memang penyakit yang boleh mengakibatkan kecacatan yang teruk dan juga kehilangan nyawa. Oleh kerana itu, pencegahan risiko-risiko strok adalah sangat penting untuk mencegah strok itu terjadi. Risiko-risiko biasa yang boleh menyebabkan strok itu termasuk tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi, kencing manis, obesiti, penyakit buah pinggang kronik dan merokok. Semua risiko-risiko strok ini boleh dan penting untuk dicegah. Orang ramai dinasihatkan supaya mengamalkan gaya hidup sihat serta aktif melakukan aktiviti fizikal.

Di samping itu, kita juga harus mengawal penyakit-penyakit melalui rawatan yang berkesan dan betul di pusat perubatan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk selalu mengamalkan pemilihan makanan yang seimbang terutama bagi mereka yang mempunyai penyakit lain selain strok.

Selain itu, dengan berhenti kebiasaan merokok, bersenam, memantau berat badan, memeriksa tekanan darah secara rutin dan mengenali gejala dan kontrol risiko diabetes juga boleh membantu dalam mengurangi risiko penyakit strok.

**Segera meminta bantuan**

Oleh kerana itu, sangat penting untuk semua orang mengenali akan tanda-tanda strok ini supaya dapat bertindak pantas dan dapatkan rawatan dengan segera di Jabatan Kecemasan dengan menghubungi talian 991 walaupun tanda-tanda itu telah hilang. Pesakit-pesakit strok juga perlu dinilai dan dirawat secepat mungkin dan sangat penting juga untuk orang ramai mengetahui tanda-tanda jika seseorang itu mengalami strok.





# Konsortium Mualafpreneurs platform program keusahawanan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

**SEBAGAI** sebuah negara Islam, Negara Brunei Darussalam sememangnya mengambil berat akan kebajikan dan kesejahteraan umat Islam di negara ini apatah lagi bagi saudara-saudara yang baru memeluk agama Islam yakni mualaf. Golongan ini sememangnya perlu diberi perhatian dari segi bimbingan akidah malahan juga dari segi pembangunan ekonomi mereka agar mereka dapat meneruskan kehidupan sebagai Muslim sejati.

Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), ditubuhkan pada 2 Mei 2015 dengan matlamat untuk menjadi sebuah institusi yang menyediakan latihan-latihan kemahiran dan bimbingan mandiri untuk pembangunan jati diri dan pembangunan kerjaya dan menyelaras peluang kerjaya. Di samping itu, bagi mengaktifkan persatuan dan badan-badan kebajikan mualaf seluruh negara dan memberikan latihan kemahiran keusahawanan. Selain itu juga bagi mewujudkan ekonomi kecil-kecilan menerusi perusahaan dan kerajinan dan membina serta mengubah minda mualaf ke arah meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik dan cerah dengan sentiasa berfikiran jauh dan berwawasan serta berbekalkan kemahiran teknikal dan vokasional. Dalam masa yang sama ia juga diharap akan dapat menghakis sifat bergantung kepada bantuan yang diberikan dan berusaha untuk memajukan diri dan keluarga.

### Konsortium Mualafpreneurs

Konsortium Mualafpreneurs adalah platform kepada saudara-saudara baharu (mualaf) dalam menyediakan pelbagai program keusahawanan yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf), PDI, KHEU dan memudahkan mereka yang berkeinginan memulakan perniagaan.

### Pengenalan

Konsortium Mualafpreneurs ditubuhkan pada 18 Julai 2019. Konsortium Mualafpreneurs adalah gabungan usahawan yang terdiri daripada golongan Asnaf Mualaf yang mempunyai minat terhadap bidang keusahawanan dan bergiat aktif dalam membangunkan kapasiti diri dan mempunyai produk atau perkhidmatan yang sedia untuk dipasarkan dan berpotensi untuk bersaing di pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa. Usahawan mualaf yang bergabung itu hendaklah mempunyai Syarikat Berdaftar (16 dan 17) dan mempunyai akaun Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) masing-masing di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) untuk membolehkan mereka membuat transaksi perniagaan secara sah, teratur dan sistemik dan profesional.

Usahawan yang terdiri daripada golongan penerima zakat dan golongan masyarakat yang tidak berkemampuan terdiri dari Asnaf Fakir Miskin dan Asnaf Mualaf dan ia juga dilaratkan sekali gus kepada penerima bantuan kebajikan menitikberatkan konsep *mindset change* dalam kalangan golongan penerima zakat dan penerima bantuan kebajikan supaya tidak akan sentiasa terus bergantung kepada agihan wang zakat dan bantuan kebajikan tetapi menjadikan mereka kepada golongan yang mampu untuk mengeluarkan zakat dan berdikari serta mampan di masa hadapan.

Gabungan Usahawan Mualaf menerusi konsortium ini diwujudkan sebagai sebuah entiti rasmi jawatankuasa pemegang amanah dan urus tadbir program keusahawanan yang diselia oleh PDI, KHEU.

Menerusi gabungan di dalam Konsortium Mualafpreneurs ini, pelbagai program latihan kemahiran dan keusahawanan akan dianjurkan dalam menyediakan ilmu pengetahuan kepada golongan Asnaf Mualaf yang meminati bidang keusahawanan. Program pengupayaan kemahiran menerusi Inkubator Al-Barakah juga akan dijadikan pemangkin utama kepada pembangunan kapasiti diri untuk memastikan mereka mempunyai kemahiran optimum. Di samping itu, Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf) juga menyediakan borang untuk permohonan yang ingin mengikuti mana-mana aktiviti di bawah Konsortium Mualafpreneurs. Hasil produk yang diketengahkan oleh saudara-saudara baharu adalah kraf tangan tradisional dan moden serta produk makanan dan minuman. Produk-produk ini diketengahkan dan dipromosikan melalui laman sosial Instagram, *@konsortium_muallafpreneurs* dan juga boleh didapati di Kedai Al-Qudwah.

### Aktiviti-aktiviti

Antara aktiviti-aktiviti yang disertai oleh Ahli-ahli Konsortium Mualafpreneurs ialah Ekspo MYCE di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Jun 2021; Souq at-Tha'am di Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei; dan Souq al-Qudwah di Airport Mall, Berakas.

### Ahli-ahli

Seramai 118 saudara-saudara baharu yang telah mendaftar di Konsortium Mualafpreneurs bagi keempat-empat daerah, yang mana seramai 78 orang dari Daerah Brunei dan Muara, 24 orang dari Daerah Belait, 10 orang dari Daerah Tutong dan enam orang dari Daerah Temburong.

### Penutup

Dengan pendedahan yang diberikan menerusi Konsortium Mualafpreneurs, saudara-saudara baharu dapat mempraktikkan kemahiran mereka dalam bidang keusahawanan yang diceburi. Pada masa yang sama, ia juga dapat menyemai sikap berdikari dalam diri mereka kerana seseorang yang memiliki sikap berdikari dalam diri boleh sahaja mengubah kehidupan masing-masing, daripada baik kepada lebih baik dan sebagainya, sekali gus menghakis sikap untuk terus bergantung kepada pihak-pihak yang tertentu.



BERITA GLOBAL

# REMPUHAN ITAEWON : PRESIDEN KOREA SELATAN UMUM TEMPOH BERKABUNG

**SEOUL**, 30 Okt. - Presiden Korea Selatan Yoon Suk Yeol pada Ahad mengumumkan tempoh berkabung dan mengarahkan bendera dikibarkan separuh tiang susulan insiden rempuhan ketika perayaan Halloween di Seoul yang mengorbankan 151 orang termasuk 19 warga asing, lapor Agensi Berita Yonhap.

"Kejadian itu benar-benar ngeri. Tragedi dan bencana pada Sabtu itu tidak sepatutnya berlaku.

"Kerajaan menetapkan tempoh berkabung bermula hari ini sehingga kejadian itu dapat diuruskan sepenuhnya dan hal ehwal pentadbiran negara akan mengutamakan pemulihan dan langkah susulan," kata Yoon salam ucapannya secara langsung dari pejabat presiden sehari selepas insiden di Itaewon itu yang mengorbankan ramai pengunjung kebanyakannya berusia 20-an.

Yoon merakamkan ucapan takziah atas kehilangan nyawa dan berharap mereka yang cedera agar cepat sembuh.

Kerajaan juga akan membantu proses pengebumian dan menggerakkan perkhidmatan perubatan kecemasan untuk merawat pesakit termasuk menugaskan penjawat awam bagi membantu mereka yang memerlukan bantuan.

"Paling penting ialah menentukan punca kemalangan dan mencegah kejadian sama berulang kembali.

"Kami akan menyiasat secara menyeluruh punca kejadian dan membuat penambahbaikan supaya kemalangan seperti ini tidak berulang pada masa hadapan," katanya.

Yoon berkata beliau akan mengarahkan kementerian dalam negeri dan kementerian berkaitan untuk menjalankan semakan terperinci terhadap semua perayaan Halloween dan perayaan tempatan lain bagi memastikan penganjurannya diadakan dengan teratur dan selamat.

Beliau kemudian melawat lokasi kejadian sebelum menuju ke kompleks kerajaan untuk mempengerusikan mesyuarat kerajaan.

Semua pejabat kerajaan turut diarah mengibarkan bendera separuh tiang. - ©BERNAMA

# ASA 2022 kembali rai penggiat seni kreatif

**PUTRAJAYA**, 29 Okt. - Selepas enam tahun 'sepi', Anugerah Seri Angkasa 2022 (ASA 2022) kini kembali meraikan penggiat industri seni kreatif bagi merancakkan semula sektor itu yang terjejas akibat COVID-19.

Bersesuaian dengan tema 'Kemuncak Kecemerlangan' penganjuran selama dua hari bermula hari ini diadakan secara gilang-gemilang dengan hamparan karpet merah menanti kehadiran penggiat seni kreatif di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini.

Tema 'Kemuncak Kecemerlangan' itu bersesuaian dengan usianya yang memasuki 50 tahun selain bertepatan hasrat Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) untuk menjadikan anugerah itu sebagai pemangkin dalam penghasilan karya bermutu industri penyiaran khususnya di peringkat nasional.

ASA 2022 pada malam pertama akan dihadiri Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa manakala malam kemuncak sambutan esok dijangka diserikan dengan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

ASA dahulunya dikenali sebagai Anugerah RTM, yang dicetuskan Kementerian Penerangan Malaysia pada 1972, bertujuan mengiktiraf penggiat penerbitan program radio dan televisyen terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Kemudian, anugerah berprestij ini berkembang dalam tempoh 33 kali penganjuran, yang menyaksikan pertambahan dalam aspek kategori dan pencalonan.

Bagi tahun ini, ASA 2022 menerima 1,354 pencalonan dengan 1,035 pencalonan adalah bagi Kategori Televisyen, 276 Kategori Radio dan 43 untuk Kategori Media Baharu, yang buat julung kalinya diperkenalkan sesuai dengan peredaran zaman yang kini ke arah digital.

Antara stesen media yang menyertai pencalonan ASA 2022 adalah Alhijrah Media Corporation, Bahagian Penyiaran Jabatan Kemajuan Islam, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan stesen televisyen yang lain.

Seramai 55 juri dan dua juruaudit terdiri daripada pemain industri yang berpengalaman luas dalam industri akan menilai kesemua pencalonan dengan adil dan telus.

Buat julung kalinya, pemenang ASA 2022 turut menerima hadiah berbentuk wang tunai bagi setiap kategori yang dimenangi selain trofi.

Tokoh Anugerah Seri Angkasa 2022 dan Tokoh Anugerah Khas Juri masing-masing akan turut diberikan hadiah berupa wang tunai.

Dua pemenang kategori utama iaitu Drama Terbaik dan Dokumentari Terbaik juga akan menerima Dana Kandungan Digital (DKD) masing-masing sebanyak RM200,000 dan RM150,000.

Ia bertujuan membantu dan menggalakkan pengamal industri kreatif menghasilkan, memasarkan dan mengedar kandungan kreatif kepada pasaran tempatan serta antarabangsa terutama dalam fasa pasca-COVID-19. - ©BERNAMA

# PBB gesa semua pihak perbaharui perjanjian bijirin Ukraine

**NEW YORK,** 29 Okt. - Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada Jumaat menggesa semua pihak supaya melanjutkan perjanjian yang diurus Turkiye dan badan dunia itu untuk membolehkan eksport bijirin dan baja dari Ukraine, termasuk mengatasi sebarang halangan ke atas eksport bijirin dan baja Rusia.

"Kami menggesa semua pihak untuk menjayakan segala usaha untuk memperbaharui Inisiatif Bijirin Laut Hitam dan melaksanakan kedua-dua perjanjian sepenuhnya," lapor Agensi Anadolu memetik kenyataan jurucakap PBB Stephane Dujarric.

"Jika makanan dan baja tidak sampai ke pasaran global sekarang, petani tidak akan mendapat bekalan baja mengikut jadual dan pada harga yang mereka mampu beli untuk musim penanaman yang seterusnya boleh menjejaskan pengeluaran makanan dan harga makanan di seluruh dunia pada 2023 dan 2024. Krisis kemampuan sekarang akan bertukar menjadi krisis ketersediaan."

Beliau berkata "kerajaan, syarikat perkapalan, peniaga bijirin dan baja serta petani ... kini mahukan petunjuk jelas mengenai masa depan."

Perjanjian itu yang pada mulanya ditandatangani untuk 120 hari, akan tamat pada 19 Nov. PBB sedang berusaha untuk melanjutkannya dan mengembangkan perjanjian untuk tempoh setahun.

Perjanjian bijirin boleh dilanjutkan secara automatik selepas 19 Nov jika tiada pihak membantah, kata Dujarric.

Pihak berkuasa Rusia mengadu bahawa walaupun ada perjanjian itu, sekatan Barat "secara tidak langsung" menghalang eksport bijirin dan baja negara itu.

Menerusi perjanjian itu, lebih sembilan juta tan bijirin dan produk makanan lain telah dieksport dari Ukraine, menurut PBB.

Penyambungan semula eksport telah menyumbang kepada penurunan harga gandum dan komoditi lain dengan ketara, tambah Dujarric.

Pengurangan harga makanan ruji secara tidak langsung telah menyelamatkan 100 juta orang daripada paras kemiskinan tegar, menurut anggaran berdasarkan model Bank Dunia.

Turkiye, PBB, Rusia dan Ukraine menandatangani perjanjian penting pada 22 Julai untuk membuka semula tiga pelabuhan Ukraine -- Odesa, Chornomorsk dan Yuzhny -- untuk eksport bijirin yang telah tersekat selama berbulan-bulan akibat perang Rusia-Ukraine, bagi menangani krisis makanan global. krisis. - ©BERNAMA

## Biden hadir Sidang Kemuncak AS - ASEAN : White House

**WASHINGTON,** 29 Okt. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden dijadual melawat Phnom Penh, Kemboja dari 12-13 Nov untuk menyertai Sidang Kemuncak tahunan AS-ASEAN dan Sidang Kemuncak Asia Timur.

Pada sidang kemuncak itu Biden akan mengesahkan komitmen berterusan AS terhadap Asia Tenggara dan ASEAN, hasil daripada kejayaan Sidang Kemuncak Khas AS-ASEAN yang bersejarah di Washington DC.

"Beliau akan menekankan pentingnya kerjasama AS-ASEAN dalam menjamin keselamatan dan kemakmuran di rantau ini, dan kesejahteraan gabungan satu bilion rakyat," lapor Agensi Anadolu yang memetik jurucakap Karine Jean-Pierre dalam satu kenyataan.

Presiden akan berada di Bali Indonesia dari 13-16 Nov untuk Sidang Kemuncak Pemimpin G20 di mana beliau akan memuji kepimpinan Presiden Indonesia Joko Widodo dalam G20 dan menekankan komitmen AS terhadap forum utama kerjasama ekonomi dengan negara-negara yang menyumbang lebih daripada 80 peratus KDNK dunia.

"Beliau akan bekerjasama dengan rakan kongsi G20 untuk menangani cabaran utama seperti perubahan iklim, impak global perang Putin ke atas Ukraine, termasuk ke atas tenaga dan keselamatan makanan dan kemampuan, dan pelbagai keutamaan lain yang penting untuk pemulihan ekonomi global," menurut kenyataan itu.

kenyataan itu juga menyebut Biden akan menghadiri Persidangan Pihak-Pihak kepada Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim (COP27) ke-27 di Sharm el-Sheikh, Mesir pada 11 Nov, sebelum menuju ke Asia.

White House berkata susulan perjalanan Biden ke Asia dan Afrika Utara, Naib Presiden Kamala Harris akan ke Bangkok, Thailand untuk menghadiri Mesyuarat Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dari 18-19 Nov.

"Naib Presiden akan menekankan komitmen AS terhadap kerjasama ekonomi di rantau Indo-Pasifik dan beliau akan menggariskan matlamat AS sebagai tuan rumah APEC pada 2023," menurut kenyataan itu.

Harris kemudiannya akan ke Manila, Filipina untuk bertemu pemimpin kerajaan dan wakil masyarakat sivil.

"Lawatannya itu akan mengesah dan mengukuhkan Perikatan AS-Filipina dan menekankan pengukuhan kerjasama kami sebagai rakan, rakan kongsi dan sekutu," katanya. - ©BERNAMA

# Isu keselamatan makanan, Palestin agenda utama mesyuarat Liga Arab di Algeria

**ALGIERS**, 30 Okt. - Setiausaha Agung Liga Arab Ahmed Aboul-Gheit pada Sabtu berkata isu Palestin dan keselamatan makanan akan menjadi agenda utama ketika Sidang Kemuncak Liga Arab yang dijadual berlangsung pada 1 dan 2 Nov lapor Xinhua.

Dalam ucapan pembukaan pada prosiding persediaan mesyuarat Menteri-menteri Luar bagi Sidang Kemuncak Liga Arab, Aboul-Gheit menggesa Palestin melaksanakan Deklarasi Algiers yang ditandatangani dua minggu lalu di Algiers dalam usaha mencapai perdamaian sebenar.

Beliau berkata sidang kemuncak Liga Arab di Algiers sepatutnya menjadi peristiwa penting bagi kerjasama antara rantau Arab yang serba baharu.

Memandangkan agenda utama sidang kemuncak itu termasuk perbincangan menangani krisis makanan global dan serantau, Aboul-Gheit menyeru agar langkah dan strategi konkrit diguna pakai bagi mencapai dan meningkatka

Algeria pada Sabtu mengambil alih jawatan presiden Majlis Menteri-menteri Luar Arab dari Tunisia sebagai persediaan bagi Sidang Kemuncak Liga Arab yang bakal berlangsung di Algiers pada 1 dan 2 Nov.

Menteri Luar Tunisia Othman Jerandi secara simbolik menyerahkan jawatan presiden Majlis Menteri-menteri Luar Arab kepada rakan sejawatannya dari Algeria Ramtane Lamamra. - ©BERNAMA

# Gempa bumi 5.9 magnitud landa 61 km SW Santiago, Peru

**NEW YORK**, 29 Okt. - Gempa bumi dengan magnitud 5.9 menggegarkan kawasan yang terletak 61 km ke tenggara Santiago, Peru pada 20:22:05 GMT pada Jumaat, lapor Kajian Geologi AS.

Menurut Xinhua pusat gempa dengan kedalaman 10.076 km, mulanya dikenal pasti pada 14.537 darjah lintang selatan dan 76.1571 darjah bujur barat.

Setakat ini belum ada laporan mengenai sebarang kerosakan. - ©BERNAMA

# PASUKAN CRTIV JUARA KESELURUHAN FIESTA SUKAN UTB Ke-6

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Ihsan Universiti Teknologi Brunei**



NAIB Canselor UTB semasa bergambar ramai pada Majlis Penutup Fiesta Sukan UTB Ke-6 bagi Tahun 2022 anjuran Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) Sukan, Majlis Perwakilan Pelajar UTB.

**TUNGKU LINK,** Sabtu, 29 Oktober. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengadakan Majlis Penutup Fiesta Sukan UTB Ke-6 bagi Tahun 2022 anjuran Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) Sukan, Majlis Perwakilan Pelajar UTB, yang berlangsung di Dewan Serbaguna Universiti, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah, Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan Pengerusi Bersama Fiesta Sukan Ke-6 UTB, Awang Muhammad Aiman @ Mahadi bin Aidee Suherman.

Acara diserikan lagi dengan persembahan tarian dari rumah pasukan masing-masing.

Pada Fiesta Sukan UTB 2022 tahun ini, Pasukan Xlr8, Pasukan Pro-Xtiv, Pasukan CrtiV dan Pasukan XCel bertanding dalam pelbagai acara sukan, di mana Pasukan CrtiV muncul juara keseluruhan pada fiesta sukan berkenaan.

Fiesta Sukan UTB Ke-6 mula dilancarkan secara rasmi pada 1 Oktober 2022, di Dewan Serbaguna, UTB, oleh Penolong Naib Canselor (Industri dan Perkhidmatan), Dr. Mohamad Saiful bin Haji Omar.

Fiesta sukan dwitahunan berkenaan disertai oleh Kakitangan dan Mahasiswa UTB, yang mempertandingkan 11 acara sukan, termasuk Futsal, Bola Jaring, Ragbi Sentuh, Frisbee, Badminton, Bola Tampar, Renang, Dodgeball, Bola Keranjang, Kolam Renang, Boling, E-Sukan dan Olahraga.

Slogan Fiesta Sukan Ke-6 Tahun ini ialah 'Presenting Opportunity Where Everyone Rises (POWER)', antara lain bertujuan bagi menggalakkan pelajar dan kakitangan untuk saling bekerjasama, dalam mencapai matlamat yang sama, selain untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim bagi semua yang terlibat dalam perjalanan ini untuk mencapai visi bersama mereka.

# Lebih 45 atlet para terpilih ikuti latihan



**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Ihsan Majlis Paralimpik Brunei Darussalam**

**GADONG,** Sabtu, 29 Oktober. - Majlis Paralimpik Brunei Darussalam pagi tadi mengadakan Pemilihan Atlet Paralimpik bagi 12th ASEAN Para Games, Cambodia 2023 dan Sukan Jemputan Antarabangsa yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini.

Hadir selaku juri bagi sesi pemilihan berkenaan ialah dua orang jurulatih daripada Persekutuan Olahraga Brunei Darussalam, serta turut dibantu oleh ahli-ahli daripada Majlis Paralimpik Brunei Darussalam.

Hasil daripada ujian tersebut, seramai 49 atlet para yang terpilih akan mengikuti sesi latihan bermula 14 November 2022 dan seterusnya akan berentap di 12th ASEAN Para Games.

Atlet-atlet yang diperlukan ialah 36 atlet bagi para olahraga, lima atlet bagi para berenang, tiga atlet bagi para badminton, seorang atlet bagi para berbasikal, dua atlet bagi para *goalball*, seorang atlet bagi para pingpong dan seorang atlet bagi para boccia.

Timbalan Yang Di-Pertua, Majlis Paralimpik Brunei Darussalam, Awang Ali Yusri bin Abdul Ghafor semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan beliau berharap agar atlet-atlet yang terpilih nanti untuk lebih tabah, berdisiplin, fokus dan semangat dalam menjalankan latihan nanti.

"Sanggup berkorban masa dan tenaga demi kejayaan diri dan membanggakan negara tercinta, serta membuktikan bahawa Orang Kelainan Upaya juga dapat bersaing seperti orang-orang biasa, bahkan lebih dari itu," tambahnya.

Beliau seterusnya menjelaskan sesi pemilihan kedua pula akan diadakan pada 5 November 2022.



PEMILIHAN Atlet Paralimpik bagi 12th ASEAN Para Games, Cambodia 2023 dan Sukan Jemputan Antarabangsa yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong (kiri dan atas).

# MPK Kampung Sengkarai adakan aktiviti bermain bola sepak

**Berita dan Foto :**
**Ihsan Ajees Hamdan**



LEBIH 50 belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Sengkarai Tutong adakan aktiviti bermain bola sepak sebagai salah satu aktiviti riadah MPK Kampung Sengkarai, Tutong.

**TUTONG,** Sabtu, 29 Oktober. - Lebih 50 belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Sengkarai Tutong telah mengadakan aktiviti bermain bola sepak sebagai salah satu aktiviti riadah MPK Kampung Sengkarai, Tutong.

Ikut serta dalam memberikan sokongan ialah Ketua Kampung Sengkarai Tutong, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Menurut Awang Abdul Aziz, aktiviti bermain bola sepak berkenaan adalah salah satu inisiatif para belia di kampung beliau yang ingin melakukan pelbagai aktiviti bersukan di samping untuk menyatupadukan para belia di kampung berkenaan yang sudah lama tidak berjumpa dan bersua muka.

Selain itu, dengan adanya aktiviti berkenaan akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan menjalinkan hubungan ukhuwah dalam kalangan mereka.

Menurut Awang Abdul Aziz lagi, aktiviti berkenaan merupakan salah satu aktiviti kampung sebagai aktiviti mingguan yang diadakan pada setiap Sabtu, iaitu dengan mengadakan perlawanan bola sepak di Padang, Kompleks Sukan Tutong.

Dengan adanya kemudahan yang disediakan, diharapkan para belia dapat menggunakan kemudahan berkenaan dengan sebaiknya di samping sentiasa bergiat aktif dengan melakukan aktiviti yang berfaedah.

Beliau juga turut mengucapkan terima kasih atas semangat para belia Kampung Sengkarai yang merancang aktiviti riadah berkenaan dan berharap ia dapat dilakukan secara konsisten.

"Saya selaku ketua kampung akan sentiasa memberikan sokongan kepada anak buah kampung saya demi untuk kepentingan bersama," ujarnya lagi.

ePaper Pelita Brunei

PELITA BRUNEI SUKAN

# WALKATON MERIAHKAN SAMBUTAN HARI GURU



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa merasmikan acara walkaton sempena Sambutan Hari Guru ke-32 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien disertai oleh warga Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, yang didahului dengan sesi senamrobik (kiri dan kanan).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 30 Oktober. - Sambutan Hari Guru Ke-32 dimeriahkan lagi dengan acara walkaton yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini, hari ini, dengan disertai oleh warga Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha tetap, Naib-naib Canselor, Rektor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan, Pemimpin-Pemimpin Sekolah dari Kementerian Pendidikan dan KHEU serta para guru, pelajar dan ibu bapa.

Acara yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum selaku penyelaras acara-acara sukan sempena Sambutan Hari Guru Ke-32 berkenaan dimulakan dengan senamrobik.

Kemudian, acara diteruskan lagi dengan pelepasan peserta walkaton sejauh tiga kilometer oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Acara Walkaton berkenaan merupakan salah satu aktiviti sukan dan riadah bagi menyemarakkan dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-32 dengan tema 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.

Penganjuran acara walkaton berkenaan antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan para pemimpin di Kementerian Pendidikan dan KHEU serta seluruh peringkat warga kedua-dua kementerian.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi menyokong mencapai 20 Billion Langkah bersama Kementerian Kesihatan dan menyemarakkan lagi suasana Program Bandarku Ceria.

# Kejohanan Futsal sempena HPA Ke-29 labuhkan tirai



**YANG Mulia Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri semasa bergambar ramai bersama johan Kategori Veteran, Kementerian Pertahanan (kiri). Sementara gambar kanan, antara aksi pada Perlawanan Akhir Kejohanan Futsal sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-29, Tahun 2022.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 30 Oktober. - Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pembangunan, masing-masing muncul johan bagi Kategori Veteran dan Kategori Terbuka, di Perlawanan Akhir Kejohanan Futsal sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-29, Tahun 2022, yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Naib johan bagi Kategori Veteran pula diraih oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan setelah tewas kepada Kementerian Pertahanan dengan jaringan, 2 - 1.

Berada di tempat ketiga ialah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sementara itu, bagi Kategori Terbuka, naib johan disandang oleh Kementerian Pendidikan setelah tewas kepada Kementerian Pembangunan, dengan jaringan 3 - 1 dan tempat ketiga dimenangi oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Penyampaian hadiah-hadiah kepada pasukan - pasukan pemenang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Sebanyak lapan kementerian menyertai Kategori Veteran; dan lapan lagi kementerian menyertai Kategori Terbuka, pada perlawanan futsal kali ini.